



# 34

---


Siri Amalan Pendidikani

---

## Pendidikan dan COVID-19: Pemulihan daripada kejutan oleh pandemik dan membina semula dengan lebih baik

Fernando M. Reimers<sup>1</sup>

Diterjemahkan oleh Professor Madya Dr. Hasuria Che Omar



---

<sup>1</sup> Saya menghargai maklum balas yang disediakan oleh Lorin Anderson, Edna Bonilla Seba, Sergio Cardenas, Leandro Folgar, Otto Granados, Michael Lisman, Asma Maladwala, Aurelio Nuno, Atif Rafique, Raquel Teixeira, Cecilia Maria Velez dan Stella Vosniadou terhadap draf buku kecil ini.

# Kandungan

Pengenalan .....	4
I. Menilai bagaimana konteks berubah dan keperluan kepada perubahan yang diadakan .....	11
1. Menilai kesejahteraan pelajar dan kecenderungan untuk belajar .....	12
2. Menilai akses dan penglibatan pelajar. Kenal pasti pelajar yang tercincir .....	17
3. Menilai kesejahteraan guru dan staf dan kesediaan mengajar, dan penyediaan sokongan .....	21
4. Nilaikan perubahan mengikut konteks. Impak pandemik terhadap komuniti. Kemiskinan, ketaksamaan .....	23
5. Menilai operasi sistem sekolah.....	24
Rumusan.....	27
II. Bina strategi di peringkat sekolah atau sistem untuk mengajar semasa wabak atau ketika pemulihian daripadanya.....	28
1. Kesediaaan untuk menyokong semua pelajar.....	29
2. Membina platform pengajaran yang menyeimbangkan pembelajaran bersemukanya dengan pembelajaran secara berjauhan dan membenarkan keperibadian dan kelainan.....	32
3. Mengutamakan kurikulum. Tumpukan kepada kecekapan dan pendidikan pelajar keseluruhannya.....	37
4. Pembelajaran dipercepatkan dan bersifat peribadi.....	38
5. Menyokong kesihatan mental dan kesejahteraan emosi pelajar.....	40
6. Akses keberkesanan inovasi yang telah dilaksanakan .....	41
7. Integrasikan perkhidmatan yang menyokong pelajar (kesihatan, pemakanan) .....	43
Rumusan.....	45

III.	Meningkatkan keupayaan.....	46
1.	Membina keupayaan sekolah. Seajarkan peranan dan tanggungjawab staf sekolah supaya mereka menyokong pendekatan holistik untuk perkembangan pelajar.....	47
2.	Membina keupayaan guru, pemimpin sekolah dan staf. Pembangunan profesional guru. Komuniti pembelajaran.....	51
3.	Membina perkongsian antara sekolah dan organisasi lain .....	54
4.	Berkomunikasi dengan ibu bapa dan membina kemahiran keibubapaan.....	55
5.	Bina rangkaian sekolah.....	56
	Rumusan.....	58
	Kesimpulan.....	59
	Rujukan.....	60
	Mengenai Pengarang .....	64

# Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah memberi kejutan kepada banyak sekolah dan sistem pendidikan di seluruh dunia, serta memberi kesan terhadap peluang pendidikan. Bagi kebanyakan pelajar, pandemik ini telah menyebabkan mereka kehilangan pengetahuan, kemahiran dan kandungan pelajaran yang telah dipelajari sebelum ini. Tambahan lagi, ramai pelajar terpisah daripada sekolah, dan di sesetengah negara kadar keciciran telah meningkat. Kesan ini sangat ketara dalam kalangan pelajar yang kurang berkemampuan, yang membawa kepada peningkatan ketaksamaan pendidikan dalam negara. Kesan ini juga ketara di Global Selatan, yang telah meningkatkan ketaksamaan dalam kalangan negara. Kehilangan pendidikan ini akan membataskan peluang kepada individu dan negara. Hanushek dan Woessman telah menganggarkan pengurangan sebanyak 3% dalam pendapatan seumur hidup kepada pelajar akibat kerugian pembelajaran yang disebabkan oleh pandemik (2020).

Kerugian pendidikan ini adalah akibat daripada kesan kesihatan, ekonomi dan sosial pandemik, dan juga kesan langsung pandemik terhadap institusi pendidikan. Di luar sekolah, pandemik ini telah mengakibatkan kesan tidak baik terhadap aspek fizikal, dan kesihatan mental pelajar, keluarga dan ahli keluarga terdekat mereka yang dijangkiti. Pandemik ini telah menjelaskan ekonomi bagi jutaan orang di seluruh dunia, memperlahangkan aktiviti ekonomi global, meningkatkan tahap pengangguran serta menyebabkan perniagaan ditutup, mengurangkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan semasa sekatan pergerakan penuh atau separuh diadakan untuk mengekang penyebaran virus. Tindakan

ini telah mengehadkan perjumpaan secara bersemuka, dan perjalanan, serta mengurangkan fungsi pelbagai institusi dan kesejahteraan manusia.

Lagi pula, kesan ekonomi pandemik ini telah melimpah kepada sektor pendidikan. Kesan negatif ini telah menjaskan peluang dan kecenderungan pelajar untuk belajar, serta menjaskan peluang guru untuk mengajar, dan ini telah membataskan sokongan yang diterima oleh pelajar dan guru. Sebagai sebahagian daripada langkah penjarakan sosial yang diambil untuk mengekang penyebaran virus, pihak berkuasa pendidikan telah membatalkan pengajaran bersemuka. Bagi sebahagian besar dunia, sekolah merupakan antara institusi terawal yang ditutup dan yang paling lambat dibuka semula, menyebabkan gangguan besar terhadap peluang pembelajaran. Daripada 33 negara OECD, purata lama tempoh sekolah ditutup adalah 70 hari, dengan perbezaan yang ketara dalam tempoh penutupan ini antara negara-negara, bermula dari 20 hari di Denmark dan Jerman, sehingga lebih 150 hari di Columbia dan Costa Rica (OECD 2021). Penutupan sekolah adalah lebih lama di negara-negara yang pelajarnya mempunyai tahap prestasi pendidikan yang lebih rendah, yang diukur melalui pentaksiran perbandingan seperti PISA (OECD 2021). Dalam konteks ini, guru dan pentadbir pendidikan digesa agar berinovasi untuk meneruskan pengajaran dalam tempoh gangguan yang disebabkan oleh pandemik ini. Inovasi ini juga diharapkan dapat memulihkan kerugian pembelajaran yang disebabkan oleh kekurangan saluran pendidikan alternatif yang dapat dibangunkan dengan cepatnya untuk pengajaran secara jarak jauh.

Walaupun kesan sebenar pandemik terhadap pendidikan adalah negatif, namun kesan positif juga turut dikesan. Paling penting, pendidik membangunkan pelbagai inovasi untuk mengekalkan peluang pendidikan semasa tempoh sekatan pergerakan. Penyelidikan baharu berkaitan dengan inovasi ini menyumbang pengetahuan yang bernilai tentang prospek, dan batasan strategi pendidikan digital, dan tentang keadaan

yang menyokong inovasi yang dipimpin oleh guru dan penggunaan berkesan pedagogi digital. Walau bagaimanapun, kita dapat mengetahui bahawa alternatif digital yang dicipta semasa pandemik telah ditambah baik dengan banyaknya, namun penambahbaikan ini bukanlah kesan daripada perancangan dan reka bentuk yang teliti. Sehingga kini, penyelidik telah mendokumentasi dan mengkaji beberapa penambahbaikan ini. Perbezaan yang ketara muncul di negara-negara berkaitan dengan keberkesanan strategi pendidikan secara jarak jauh, dan juga di dalam negara berkaitam dengan bagaimana pelajar daripada latar belakang sosial yang berbeza-beza telah dan dapat mengikuti strategi pengajaran sebegini (Reimers 2021).

Buku kecil ini mengemukakan pengetahuan berasaskan penyelidikan yang dihasilkan semasa krisis COVID-19 dan berasaskan penyelidikan sebelum ini tentang topik yang berkaitan, untuk mencadangkan kerangka bagi menyokong pembangunan strategi pendidikan yang relevan dari segi konteks, yang dapat digunakan untuk mengajar semasa dan selepas pandemik. Buku kecil ini adalah khusus untuk pentadbir pendidikan di sekolah-sekolah dan pada peringkat sistem. Buku ini ditulis untuk memperakarkan bahawa pandemik ini masih berlaku di sebahagian besar dunia, dan gangguan kepada pendidikan di kebanyakan bahagian dunia kelihatannya akan berterusan sehingga 2022 dan kemungkinan akan berterusan selepas itu.

Buku kecil ini memberikan fokus yang sepenuhnya kepada pendidikan. Penulisannya tidak memberi tumpuan kepada kesihatan atau polisi lain sebagai maklum balas kepada pandemik, walaupun jelas bahawa pandemik ini, pada asasnya ialah krisis kesihatan awam yang telah menimbulkan banyak kesan negatif kepada bidang ekonomi, sosial dan pendidikan. Maklum balas kerajaan seharusnya bersepada, dan melibatkan banyak sektor, agar koordinasi yang baik dapat diadakan terhadap maklum balas tindakan pelbagai sektor.

Contohnya, memberikan vaksinasi kepada masyarakat adalah langkah kritikal dalam mengawal penyebaran virus. Apabila orang ramai dalam sistem pendidikan divaksinasikan dengan meluas, termasuk guru, staf, pelajar, dan ibu bapa, maka kesan yang menjelaskan peluang pendidikan dapat dikurangkan. Pandemik turut memberi kesan yang buruk terhadap golongan miskin, dan tindakan kerajaan yang bersesuaian perlu dilakukan untuk merangsang aktiviti ekonomi dan pertumbuhan kerja, untuk memindahkan pendapatan kepada golongan yang terjejas ini, serta menjamin bantuan makanan sampai kepada mereka yang terjejas disebabkan oleh pandemik ini. Beberapa kesan pendidikan yang timbul daripada pandemik ini adalah kejutan kesihatan dan kejutan ekonomi, dan tindakan kerajaan yang kurang efektif untuk menanganinya. Elemen-elemen bukan pendidikan utama pemulihan pandemik tidak menjadi fokus buku kecil ini. Namun begitu, pada kebanyakan bahagian, kandungan buku ini melibatkan keputusan yang bukan dalam bidang kuasa pihak berkuasa pendidikan, yang merupakan sasaran penerbitan buku kecil ini.

Tambahan lagi terdapat beberapa ramalan yang mengatakan bahawa COVID-19 akan terus bermutasi dalam kelompok-kelompok besar anggota masyarakat yang tidak divaksin. Menurut ramalan ini, kita perlu menyesuaikan kehidupan kita dengan virus ini untuk masa depan yang boleh dijangka, dengan kemungkinan berlakunya wabak mutasi ini secara berkala (Osterhom dan Olshaker 2021). Laporan terkini oleh petugas bebas G-20 turut menggesa persediaan untuk menghadapi pandemik masa depan dengan menyatakan, “meningkatkan kesiapsiagaan pandemik tidak boleh ditunggu-tunggu sehingga pandemik COVID-19 berakhir. Ancaman masa depan pandemik telah ada bersama-sama kita. Dunia berhadapan dengan bahaya semasa yang jelas dan wabak penyakit berjangkit melanda dengan lebih kerap yang lebih membawa maut. Pandemik semasa bukan lagi peristiwa yang tidak dijangka, malahan peristiwa ini boleh dianggap sebagai persediaan untuk pandemik yang akan datang,

yang boleh melanda kita pada bila-bila masa, sama ada dalam dekad yang akan datang, atau mungkin pada tahun depan, dan boleh menjadi wabak yang jelas boleh memusnahkan keselamatan manusia” (G20 Panel Bebas Peringkat Tinggi, 2021).

Memandangkan pada masa depan wabak mungkin berlaku walau-pun dalam sistem pendidikan, iaitu apabila pembelajaran bersemuka diteruskan, ketahanan bagi sistem pendidikan adalah penting. Dengan cara ini, pendidik akan terus mengajar semasa wabak berlaku pada masa depan, dan dalam kes-kes kecemasan yang mengganggu pembelajaran secara bersemuka.

Tambahan lagi, pandemik ini memberi kejutan khususnya kepada sistem pendidikan yang tidak efektif dan tidak sama. Sementara usaha mencari jalan untuk meneruskan pendidikan semasa pandemik banyak dilakukan untuk menangani cabaran sedia ada banyak ditangguhkan, usaha menangani cabaran ini tidak boleh ditangguhkan lagi. Malahan, kos pendidikan yang tidak setara kepada pelajar miskin menunjukkan bahawa usaha menangani cabaran sedia ada ini menjadi semakin perlu sekarang. Inilah yang dimaksudkan sebagai ‘membina semula dengan lebih baik (building back better)’.

Senario masa depan ini mencadangkan bahawa keutamaan yang patut didahulukan oleh pembuat dasar berkaitan dengan COVID-19 ini melibatkan tiga matlamat: meningkatkan keberkesanan strategi pendidikan sewaktu wabak semasa, memulihkan dan membangunkan semula peluang pendidikan selepas wabak, dan membina ketahanan sistem pendidikan agar boleh berfungsi jika wabak berlaku lagi pada masa hadapan. Tindakan ini dijajarkan dengan tiga matlamat besar ini yang serupa antara satu dengan lain, walaupun aktiviti khusus mungkin berbagai-bagai bergantung pada objektif yang sedang diusahakan. Rajah 1 meringkaskan tiga matlamat ini dan tindakan untuk menjayakan matlamat ini:

Rajah 1. Matlamat dan tindakan untuk menangani kejutan pandemik terhadap pendidikan

Meningkatkan keberkesanannya strategi pendidikan pada wabak semasa	Memulihkan dan membangunkan semula peluang pendidikan selepas wabak	Membina ketahanan sistem pendidikan agar dapat berfungsi semasa wabak pada masa depan
<p>Menilai bagaimana konteks telah berubah untuk pelajar, keluarga, guru-guru, komuniti, dan sistem penyampaian pendidikan.</p> <p>Membangunkan strategi untuk mengajar semasa pandemik, atau untuk pulih daripada wabak ini.</p> <p>Meningkatkan keupayaan sekolah, guru, pemimpin sekolah, pelajar, keluarga dan sistem.</p>	<p>Menilai bagaimana konteks telah berubah untuk pelajar, keluarga, guru, komuniti, dan kepada sistem penyampaian pendidikan.</p> <p>Membangunkan strategi untuk mengajar semasa wabak atau untuk pulih daripada wabak.</p> <p>Meningkatkan keupayaan sekolah, guru, pemimpin sekolah, pelajar, keluarga dan sistem.</p>	<p>Menilai bagaimana konteks telah berubah untuk pelajar, keluarga, guru, komuniti, dan untuk sistem penyampaian pendidikan.</p> <p>Membangunkan strategi untuk mengajar semasa wabak atau untuk pulih daripada wabak.</p> <p>Meningkatkan keupayaan sekolah, guru, pemimpin sekolah, pelajar, keluarga dan sistem.</p>

Kesemua aktiviti ini boleh distrukturkan kepada tiga tunggak utama:

- I. Menilai bagaimana konteks telah berubah untuk pelajar, keluarga, guru, komuniti, dan sistem penyampaian pendidikan.
- II. Membangunkan strategi untuk mengajar semasa wabak atau untuk pulih daripada wabak.
- III. Meningkatkan keupayaan sekolah, guru, pemimpin sekolah, pelajar, dan sistem pendidikan.

Setiap daripada tiga tunggak ini, secara bergilir-gilir, melibatkan satu siri tindakan yang saling bergantungan. Rajah 2 meringkaskan aktiviti yang peranannya perlu dimainkan oleh setiap tunggak tersebut.

Rajah 2. Tiga tunggak strategi pendidikan

<b>Menilai perubahan dalam konteks</b>	<b>Membangunkan strategi pendidikan teradun</b>	<b>Meningkatkan keupayaan</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesejahteraan pelajar dan kesediaan belajar.</li> <li>2. Akses dan penglibatan pelajar.</li> <li>3. Kesejahteraan guru dan staf dan kesediaan mengajar.</li> <li>4. Komuniti. Kemiskinan dan Ketaksamaan.</li> <li>5. Operasi sistem pendidikan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengaku untuk menyokong semua pelajar.</li> <li>2. Membangunkan platform penyampaian yang seimbang antara pembelajaran bersempena dengan pembelajaran secara berjauhan yang membenarkan personalisasi dan perbezaan.</li> <li>3. Mengutamakan kurikulum. Memberi fokus kepada kecekapan dan pendidikan menyeluruh kanak-kanak.</li> <li>4. Mempercepat pembelajaran dan personalisasi.</li> <li>5. Menyokong kesihatan mental dan kesejahteraan emosi.</li> <li>6. Menilai inovasi yang telah digunakan.</li> <li>7. Mengintegrasikan perkhidmatan (kesihatan, pemakanan).</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membangunkan keupayaan sekolah. Menajarkan peranan dan tanggungjawab staf sekolah bagi menyokong pendekatan holistik pembangunan pelajar.</li> <li>2. Membina keupayaan guru, pemimpin sekolah, dan staf. Pembangunan profesional guru. Komuniti pembelajaran.</li> <li>3. Mengadakan usahasama.</li> <li>4. Berkommunikasi dengan ibu bapa dan membangunkan kemahiran keibubapa.</li> <li>5. Membina rangkaian sekolah.</li> </ol>

*Koheren dan kesejajaran* antara matlamat-matlamat dan tindakan yang terkandung dalam tiga tunggak ini adalah sangat penting. Sifat

koheren ini akan menjana sinergi yang perlu untuk menyokong peningkatan sistemik skala. Pendekatan terpisah atau silo, umpamanya adalah tidak memadai. Begitu juga, kaedah pendidikan yang tidak berasaskan penilaian komprehensif perubahan yang disebabkan oleh pandemik juga tidak mencukupi dan menambahkan lagi beban yang telah sedia ada dalam sistem penyampaian.

Dokumen ini seterusnya meneliti tindakan yang patut dipertimbangkan dalam tiga tunggak ini. Dokumen ini telah distrukturkan dalam tiga bahagian, setiap satunya memberi tumpuan kepada setiap tunggak.

## I. Menilai bagaimana konteks berubah dan keperluan kepada perubahan yang diadakan

Untuk membangunkan strategi efektif mendidik pelajar semasa dan selepas pandemik, pendidik dan pembuat dasar mesti menjadikan ciri-ciri konteks tempatan sebagai asasnya. Ini bermaksud, mereka mesti menjadikan pemahaman khusus tentang bagaimana pandemik mempengaruhi kehidupan pelajar, keluarga mereka, guru, staf sekolah, dan komuniti tempat mereka tinggal, dan kebolehan sistem pendidikan untuk membawakan fungsi teras ini sebagai asas. Langkah pertama adalah dengan mengambil kira perubahan-perubahan tersebut.

Memandangkan pandemik telah menghasilkan kesan yang berbeza kepada pelbagai kelompok pelajar dan pada satu-satu sekolah, kita mesti mengenal pasti keperluan khusus penilaian tempatan ke atas kanak-kanak dan keluarga. Mengadakan gambaran setempat tentang keperluan pendidikan ini bukanlah bermaksud pihak berkuasa tempatan perlu mempertahankan tindakan mereka dalam mencari dan melaksanakan penyelesaian; sebaliknya, kerajaan negara dan wilayah bertanggungjawab

menyediakan sokongan berbeza kepada pihak berkuasa tempatan dan sekolah untuk memastikan kesaksamaan dalam hasil pendidikan. Walau bagaimanapun, mereka perlu melakukan ini dengan tujuan untuk menyokong keperluan dan strategi yang dikenal pasti secara tempatan. Ketiadaan fokus setempat akan menjadikan tindakan ini tidak relevan, manakala ketiadaan peranan berpampasan untuk kerajaan nasional dan wilayah akan memburukkan lagi kesan pendidikan yang tidak sama disebabkan oleh pandemik.

Dalam bahagian yang seterusnya, saya menjelaskan lima prinsip untuk menilai bagaimana konteks pendidikan telah berubah kesan daripada kejutan yang disebabkan oleh pandemik. Saya akan memberikan penerangan ringkas untuk setiap prinsip, diikuti dengan bukti yang menyokong prinsip dan menerusi deskripsi operasional memberi contoh tindakan yang telah membangunkan prinsip tersebut. Bagi setiap bahagian disediakan satu siri cadangan bacaan, dengan petikan penuhnya diletakkan pada bahagian akhir buku kecil ini.

## 1. Menilai kesejahteraan pelajar dan kecenderungan untuk belajar

### *Prinsipnya*

Sokong kesejahteraan pelajar dan kecenderungan mereka untuk belajar. Disebabkan kesan pandemik ke atas pelajar berbeza-beza mengikut lokaliti, kita perlu mengasaskan strategi berdasarkan pengetahuan setempat, tentang bagaimana kesihatan, ekonomi, dan gangguan sosial telah memberi kesan kepada kesejahteraan pelajar yang mudah terjejas – seperti kesan bekalan makanan yang tidak terjamin, pengurangan pendapatan keluarga, peningkatan keganasan

rumah tangga, peningkatan kemurungan atau kesan lain pada kesihatan mental dan pada kehidupan emosi pelajar.

### *Buktinya*

Pada musim panas 2020, Save the Children telah menjalankan satu kajian terhadap kanak-kanak dan keluarga di 46 negara untuk mengkaji impak krisis. Mereka memberi tumpuan kepada peserta dalam program mereka, iaitu penduduk yang berminat dan masyarakat umum. Dapatkan kajian ini melaporkan keganasan di rumah berlaku dalam satu pertiga daripada isi rumah. Peserta program ini sebahagian besarnya ialah kanak-kanak dan keluarga yang mudah terjejas. Kebanyakan kanak-kanak (83%) dan ibu bapa (89%) melaporkan peningkatan perasaan negatif disebabkan pandemik, dan 46% ibu bapa melaporkan adanya tekanan psikologi dalam anak-anak mereka. Bagi kanak-kanak yang tidak berhubung dengan rakan-rakan mereka, 57% daripada kanak-kanak ini adalah kurang gembira, 54% merasa lebih risau, dan 58% merasakan yang mereka kurang selamat. Bagi kanak-kanak yang boleh berinteraksi dengan rakan-rakan mereka, kurang daripada 5% melaporkan perasaan yang sama. Kanak-kanak yang kurang berupaya pula menunjukkan peningkatan untuk kencing malam (7%) dan menangis dan menjerit secara luar biasa (17%) sejak meletusnya wabak pandemik, yang menunjukkan peningkatan perlakuan sebegini tiga kali ganda daripada kanak-kanak normal. Kanak-kanak juga melaporkan peningkatan 63% kerja rumah yang mereka perlu dibuat, dengan 63% kerja diberikan kepada kanak-kanak perempuan dan 43% kerja pula diberikan kepada kanak-kanak lelaki; 20% kanak-kanak perempuan mengatakan yang kerja rumah yang diberikan terlalu banyak dan menyukarkan mereka untuk memberi perhatian kepada pelajaran mereka, dibandingkan dengan 10% kanak-kanak lelaki yang berpandangan sedemikian(Ritz, et al [2020](#)).

Tambahan lagi, kerugian pembelajaran semasa pandemik, yang berlaku secara tidak sekata dalam penduduk dunia yang berbeza, memerlukan sekolah dan guru untuk menilai tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar apabila mereka kembali semula ke sekolah. Penilaian ini membenarkan guru-guru untuk merancang kurikulum yang dijajarkan dengan tahap-tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar, agar kaedah pengajaran yang bersesuaian mengikut tahap dapat dibangunkan untuk membantu pelajar. Penilaian terbaharu kajian tentang kerugian pembelajaran semasa pandemik mengatakan bahawa hanya lapan kajian telah diadakan, dan semuanya memberi tumpuan kepada negara-negara OECD yang telah menutup sekolah dalam tempoh masa yang pendek (Belgium, the Netherlands, Switzerland, Sepanyol, Amerika Syarikat, Australia, and Jerman). Kajian ini mengesahkan kerugian pembelajaran dalam kebanyakan kes, dan dalam sesetengah kes, berlaku peningkatan dalam ketidaksamaan pendidikan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini turut mendokumentasikan kesan pembelajaran pelbagai jenis kesan daripada penutupan sekolah berdasarkan subjek sekolah dan tahap pendidikan (Donelly dan Patrinos [2021](#)).

Walaupun sehingga kini penilaian yang boleh dipercayai untuk menilai kerugian pembelajaran masih kurang, dan menghalang kita untuk mengganggarkan kesan penuh pandemik bagi kebanyakan negara di dunia, kajian yang terhad ini berjaya mendokumentasikan kesan mendalam, khususnya yang dihadapi oleh pelajar daripada golongan yang kurang berkemampuan. Satu kajian terkini yang dijalankan di Belgium, yang sekolahnya ditutup selama lebih kurang sembilan minggu, menunjukkan kesan kerugian pembelajaran yang ketara dalam bahasa dan matematik (pengurangan dalam purata sekolah untuk 0.19 sisihan piawai skor matematik dan 0.29 sisihan lazim untuk skor bahasa, dibandingkan dengan kohort yang sebelumnya),

dan penambahan ketidaksamaan dalam hasil pembelajaran sebanyak 17% untuk matematik, dan 18% untuk bahasa). Kehilangan ini adalah lebih besar kepada sekolah dengan peratusan yang lebih tinggi dengan pelajar yang kurang berkemampuan (Maldonado, De Witte, 2020).

Kajian tentang hal ini, dan tujuh kajian empirikal tambahan tentang kerugian pembelajaran, yang satu daripadanya memberi tumpuan pada pendidikan tinggi, mendapati bahawa kerugian pembelajaran juga berlaku di Netherlands, Amerika Syarikat, Australia, dan Jerman. Namun begitu, jumlah kerugian pembelajaran adalah rendah di negara-negara ini daripada yang dilaporkan dalam kajian di Belgium. Satu kajian di Switzerland mendapati kerugian pembelajaran tidaklah begitu ketara, dan kajian di Sepanyol pula mendapati bahawa terdapat perolehan pembelajaran semasa pandemik (Donnelly dan Patrinos 2021, 149). Tujuh daripada lapan kajian dijalankan untuk mengenal pasti kerugian pembelajaran di negara-negara yang banyak sumber pembelajaran, dan meliputi tempoh pendek penutupan sekolah: 9 minggu di Belgium, 8 minggu di Netherlands, 8 minggu di Switzerland, 8-10 minggu di Australia, dan 8.5 minggu di Jerman (Ibid). Kajian juga menunjukkan bahawa sementara terdapat kerugian pembelajaran yang konsisten kepada pelajar sekolah rendah, dapatkan yang berbeza diperoleh untuk kes-kes pelajar di sekolah menengah dan pengajian tinggi.

Kajian yang dijalankan terhadap kemahiran pelajar dalam gred lima, sembilan dan dua belas di sekolah awam di Sao Paolo (tidak termasuk sekolah munisipal dan sekolah swasta), yang dijalankan pada awal persekolahan tahun 2021 (Mac), menunjukkan bahawa pelajar tahap 5 memiliki pengetahuan matematik yang rendah daripada pelajar yang tamat tahap tiga pada 2019. Sementara pelajar tahap lima memiliki tahap pemahaman pembacaan yang lebih tinggi daripada tahap yang mereka miliki sewaktu mereka berada di tahap

tiga pada 2019, tahap ini adalah rendah secara ketaranya daripada pelajar yang berada di tahap lima pada 2019. Terdapat juga kerugian pembelajaran, walaupun sedikit, kepada pelajar tahap sembilan dan dua belas, tetapi kita boleh menginterpretasikan dapatan ini dalam konteks peningkatan berterusan dalam kemahiran pelajar pada tahap-tahap tersebut, bermula daripada tahap yang paling rendah (CAEd/UFJF [2021](#)).

Terdapat juga penyelidikan yang baik dibuat berkaitan kepentingan kesejahteraan pelajar untuk kejayaan pendidikan. Willms telah membangunkan kerangka kerja untuk menilai kesejahteraan pelajar berdasarkan sintesis penyelidikan tersebut, yang digunakan untuk mereka bentuk tinjauan yang dilakukan terhadap pelajar yang menyediakan maklumat yang sangat berharga kepada guru-guru sepanjang tahun persekolahan (Willms [2020](#)).

### *Bagaimakah ia dipraktikkan?*

Pada peringkat sistem: lakukan satu tinjauan tentang kesejahteraan pelajar pada selang masa berkala, dan gunakan keputusan tinjauan ini untuk membangunkan maklum balas atau tindakan yang bersesuaian. Tinjauan ini boleh berfokus pada pelajar atau ibu bapa mereka, dan boleh juga diadakan berasaskan perwakilan sampel yang kecil.

Pada peringkat bilik darjah: lakukan pemeriksaan harian terhadap dengan pelajar, dengan guru menanyakan, “Bagaimakah keadaan hari ini?”. Pada peringkat bilik darjah dan sekolah, lakukan tinjauan pemeriksaan berkala institusi terhadap rasa kesejahteraan dan rasa kepunyaan pelajar, dan kemukakan hasil tinjauan kepada guru dan bincangkan dapatan ini semasa mesyuarat guru.

### *Cadangan bacaan*

Anderson [2021](#), CAEd/UFJF [2021](#), Donelly dan Patrinos [2021](#), Maldonado dan De Witte [2020](#), Reimers [2021](#), Reimers dan Schleicher [2020a](#), Ritz et al [2020](#), UNESCO-UNICEF-World Bank [2020](#), Willms [2020](#).

## 2. Menilai akses dan penglibatan pelajar. Kenal pasti pelajar yang tercicir

### *Prinsipnya*

Untuk kembali semula kepada pengajaran bersemuka, tumpuan perlu diberikan kepada usaha mengenal pasti pelajar yang gagal melibatkan diri dalam pembelajaran terlibat, atau meninggalkan sekolah sepenuhnya. Semua usaha yang dilakukan adalah untuk mengembalikan pelajar kepada aktiviti pembelajaran. Imperatif pembelajaran secara jarak jauh ini adalah dengan memantau penglibatan pelajar, agar usaha khusus dapat dilakukan untuk mengekalkan penglibatan pelajar dengan persekolahan.

### *Buktinya*

Apabila pelajar gagal belajar melalui pembelajaran secara jarak jauh, dan apabila keperluan lain memakan banyak masa yang diperuntukkan untuk kerja sekolah, penglibatan pelajar dengan persekolahan secara jarak kauh lama-kelamaan semakin berkurangan. Keadaan ini akhirnya menjadikan pelajar terus mengundurkan diri daripada pembelajaran sepenuhnya. Pengunduran ini kemudiannya menyumbang

kepada kerugian pembelajaran dan akhirnya pelajar tercicir daripada sekolah.

Beberapa kajian melaporkan bahawa penglibatan yang konsisten dengan platform pendidikan secara jarak jauh adalah mencabar kepada sebilangan besar pelajar kerana motivasi untuk belajar dan kesejahteraan mereka terganggu (Bellei et al [2021](#), Cardenas et al [2021](#), Kosaretsky et al [2021](#), Soudien et al [2021](#), Hamilton dan Ercikan [2021](#)).

Negara Uruguay, misalnya, telah melancarkan program nasional yang berwawasan tinggi untuk memperkenalkan pendigitalan pendidikan pada [2007](#). Satu kajian terkini yang melibatkan perwakilan kebangsaan yang terdiri daripada pelajar gred 3 dan 6 menunjukkan peningkatan yang signifikan pelajar yang tercicir, yang dikira tinggi jumlahnya bagi pelajar dengan tahap agregat ekonomi yang tinggi dan mengalami kerugian budaya. Peratus pelajar yang tercicir daripada sekolah meningkat daripada 0.9% pada [2017](#) kepada 2.8% pada [2020](#). Peningkatan yang ketara juga berlaku dalam kalangan pelajar yang tidak menghadiri kelas pada hari pentaksiran diadakan, iaitu daripada 5.9% pada [2017](#) kepada 9.4% pada [2020](#), dan peningkatan bilangan pelajar yang tidak diberikan pentaksiran disebabkan pelajar ini terdiri daripada pelajar dengan keperluan khas, iaitu meningkat daripada 2.4% pada [2017](#) kepada 2.4% pada [2020](#).

Perubahan ini mengurangkan peratus pelajar yang menduduki pentaksiran daripada 90.8 % pada [2017](#) kepada 78.4% pada [2020](#), mungkin kerana proksi peratus pelajar kelihatannya mempunyai peluang untuk belajar pada kedua-dua tahun ([INEED 2021](#)). Sebagai tambahan, pada [2020](#), peratus pelajar yang tercicir adalah lebih banyak di sekolah dengan tahap purata sosioekonomi lebih tinggi dan kerugian budaya, sementara hanya 0.7% pelajar di 22% sekolah dengan purata tahap sosioekonomi paling tinggi dan kerugian budaya

tercicir. Angka ini meningkat kepada 2% bagi pelajar dalam 20% sekolah seterusnya yang mempunyai kelebihan ekonomi dan budaya yang tinggi, 2.5% bagi pelajar dalam 15% sekolah seterusnya, 3.4% bagi pelajar dalam 22% sekolah yang seterusnya, dan 5.4% pelajar dalam 20% sekolah dengan tahap purata sosioekonomi yang paling tinggi dan kerugian budaya (INEED 2021, 24). Dalam kajian sama yang meminta guru untuk melaporkan kekerapan pelajar yang menghadiri kelas. Dalam 22% sekolah dengan tahap sosioekonomi yang paling tinggi dan mempunyai kelebihan budaya, 95% guru melaporkan bahawa pelajar menghadiri sekolah secara tetap, manakala dalam 20% sekolah dengan tahap sosioekonomi yang paling rendah dengan kelebihan budaya, hanya 68% guru melaporkan bahawa pelajar menghadiri sekolah secara tetap (INEED 2021, 38).

### *Bagaimakah ia dipraktikkan?*

Bangunkan indikator baru untuk menilai penyertaan pelajar dengan cara yang bersesuaian menggunakan modaliti pendidikan. Tentu sekali, ‘kehadiran ke sekolah’ menjadi tidak bermakna apabila sekolah tidak dibuka, dan tidak mencukupi jika hanya sebahagian sahaja pengajaran berlaku secara bersemuka. Sebaliknya penyertaan perlu menggambarkan penyertaan dalam modaliti yang tersedia, sama ada secara bersemuka atau secara jarak jauh. Penggunaan platform pembelajaran secara jarak jauh membentarkan ukuran penglibatan yang lebih tepat, seperti masa ketersambungan ke platform, bahan-bahan yang dimuat turun atau masa sebenar penglibatan pelajar dalam pembelajaran.

Pada tahap sistem dan sekolah, analisis data dalam platform dalam talian sedia ada berkaitan dengan akses dan penyertaan pelajar. Kenal pasti, siapa, dalam kalangan pelajar yang mendaftar, mengakses

platform dan bagaimana, dan siapa yang tidak berbuat demikian. Apabila sekolah menggunakan bentuk lain pembelajaran secara jarak jauh, seperti bimbingan guru melalui telefon atau penghantaran secara bersemuka bahan bercetak, gunakan rekod untuk mengenal pasti bimbingan sebenar kepada pelajar dan penglibatan mereka, pada bila-bila masa tersedia.

Pada peringkat sistem dan sekolah, analisiskan rekod kemasukan pelajar untuk mengenal pasti aliran kemasukan dan pelajar yang tercicir.

Pada peringkat sistem dan sekolah, buat tinjauan terhadap isi rumah untuk menentukan pelajar yang telah mendaftar dan terlibat secara aktif di sekolah dan dalam pembelajaran.

Pada peringkat sekolah dan bilik darjah, hubungi pelajar yang mendaftar untuk memastikan siapa yang melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sekolah. Bangunkan mekanisma perhubungan khusus kepada pelajar yang tidak mendapat akses kepada platform pembelajaran atau mengabaikan persekolahan mereka. Pada peringkat sekolah, pasukan petugas guru boleh menghubungi pelajar, dan keluarga mereka, yang gagal turut serta secara aktif dan secara praktisnya telahpun tercicir. Pasukan petugas ini juga boleh melibatkan sukarelawan, termasuklah generasi muda, untuk menghubungi ibu bapa dalam kejiranannya masing-masing bagi mengenal pasti anak-anak yang telah tercicir atau berpotensi tinggi untuk tercicir.

### *Cadangan bacaan*

Bellei et al [2021](#), Cárdenas ardenas et al [2021](#), Kosaretsky et al [2021](#), Soudien et al [2021](#), Hamilton dan Ercikan [2021](#).

### 3. Menilai kesejahteraan guru dan staf dan kesediaan mengajar, dan penyediaan sokongan

#### *Prinsipnya*

Sekolah perlu menyokong guru, pentadbir, dan staf supaya mereka semua bersedia sepenuhnya, juga menyokong pelajar-pelajar mereka dengan sepenuh hati.

#### *Buktinya*

Pandemik telah meninggalkan kesan kepada kehidupan guru sama seperti kesan yang dihadapi oleh pelajar dan keluarga mereka. Tambahan lagi, guru perlu memenuhi permintaan baharu untuk mengekalkan pendidikan secara jarak jauh, walaupun tanpa persediaan dan sokongan yang mencukupi. Sebahagian daripada mereka juga perlu menyokong pendidikan anak-anak mereka sendiri, atau perlu memenuhi permintaan ahli keluarga lain semasa mengajar secara jarak jauh dalam era pandemik ini. (Tekanan yang berlipatganda ini telah menjaskan kesejahteraan guru dan telah menimbulkan kekhawatiran tentang keletihan guru, lantas menyebabkan mereka mengundurkan diri daripada profesi (Audrain et al 2021, Hamilton dan Ercikan 2021).

Dua daripada sumber utama tekanan yang dihadapi oleh guru-guru adalah berkaitan dengan kurangnya persediaan awal untuk mengajar secara dalam talian dan keadaan suboptimum (apabila guru dan pelajar perlu mengadakan kaedah-kaedah tertentu untuk meneruskan pembelajaran secara jarak jauh). Dalam konteks apabila guru mendapat sokongan sepenuhnya bagi pengajaran digital (pedagogi

digital), transisi kepada pengajaran secara jarak jauh relatifnya adalah lancar (Lavonen dan Salmela-Aro [2021](#), Tan dan Chua [2021](#)).

### *Bagaimakah ia dipraktikkan?*

Pada peringkat sekolah dan sistem, nilaiakan tahap kesediaan guru untuk mengajar secara digital dan gunakan maklumat ini untuk mereka bentuk pembangunan profesional yang bersesuaian.

Pada peringkat sekolah dan sistem, buat tinjauan tentang kesejahteraan guru, bantu mereka untuk mengenali tekanan dalam diri mereka dan dalam diri pelajar, laksanakan program kesejahteraan seperti keprihatinan dan latihan fizikal, dan pupuk etika penjagaan di sekolah.

Kenal pasti keperluan pembangunan profesional guru dan beri sokongan kepada mereka dalam membangunkan kemahiran mendidik. Berikan juga sokongan kepada pelajar, khususnya yang paling mudah terjejas, secara jarak jauh.

### *Cadangan bacaan*

Audrain et al [2021](#), Hamilton dan Ercikan [2021](#), Lavonen dan Salmela-Aro [2021](#), Tan and Chua [2021](#), UNICEF [2021a](#).

## 4. Nilaikan perubahan mengikut konteks. Impak pandemik terhadap komuniti. Kemiskinan, ketaksamaan

### *Prinsipnya*

Nilaikan bagaimana konteks komuniti sekolah telah berubah disebabkan oleh pandemik, kemudian telitian implikasi perubahan ini terhadap pendidikan.

### *Buktinya*

Kesan pandemik adalah pelbagai, merentasi komuniti dan lokaliti, menggambarkan keadaan sosial dan ekonomi komuniti-komuniti ini. Kesan tempatan bukan sahaja melibatkan penyebaran virus malahan juga kemiskinan yang disebabkan oleh pandemik. Kesan kesihatan dan ekonomi pandemik ini secara bergilir-gilir mempercepat atau berinteraksi dengan cabaran komuniti yang lain.

Terdapat bukti yang kukuh bahawa pandemik meluaskan lagi kemiskinan dan ketaksamaan dan juga telah mempengaruhi kesihatan dan kesejahteraan secara negatif (Reimers 2021b). Bank Dunia telah menganggarkan bahawa menjelang Mac 2021 pandemik telah meluaskan kemiskinan global kepada 120 juta orang, kebanyakannya di negara-negara yang berpendapatan rendah dan sederhana (Atanda dan Cojocaru 2021).

### *Bagaimanakah ia diperaktikkan?*

Pada peringkat komuniti sekolah, bangunkan profil ciri-ciri komuniti seperti kemiskinan, ketaksamaan, kesihatan, dan inklusi sosial yang telah dipengaruhi oleh pandemik, dengan mengintegrasikan data sosiodemografik sedia ada daripada pelbagai sumber.

## *Cadangan bacaan*

Atanda dan Cojocaru 2021, Reimers 2021b.

## 5. Menilai operasi sistem sekolah

### *Prinsipnya*

Lakukan audit terhadap mana-mana fungsi sistem penyampaian pendidikan yang terjejas atau terganggu disebabkan pandemik.

### *Buktinya*

Pandemik telah menghasilkan satu rangkaian baharu permintaan di sekolah. Keperluan kepada penjarakan sosial dan beban kewangan pandemik telah memberikan impak kepada pelbagai tuntutan baharu fungsi penting operasi sekolah. Tuntutan ini meliputi rangkaian sistem, daripada pengajaran kepada penyampaian perkhidmatan yang terdapat di sekolah – termasuklah program pemakanan, program kesihatan mental, pentaksiran biasa pelajar, lawatan penyelia, dan pembangunan profesional. Audit sistematik terhadap fungsi pendidikan yang terkesan oleh pandemik adalah penting untuk membangunkan strategi kelangsungan atau pemulihan.

Misalnya, audit perlu diadakan bagi memastikan terdapat rantaian penyampaian yang efektif untuk mencipta peluang pendidikan yang sampai kepada semua pelajar. Sebagaimana yang disebut sebelum ini, di Mexico, strategi nasional pendidikan secara jarak jauh telah gagal untuk sampai kepada pelajar yang kurang bernasib baik disebabkan mereka kurang mendapat akses kepada TV atau komputer. Malahan, Uruguay juga, telah melancarkan satu program untuk

menyediakan peluang pendidikan digital kepada semua pelajar pada 2007, walaupun tidak semua pelajar ini mempunyai akses kepada penyambungan internet. Satu penilaian yang diadakan pada 2020, contohnya, mengemukakan dapatan bahawa dalam kalangan pelajar Gred 4 dan Gred 3, 43% daripada mereka mempunyai komputer sendiri, dan tambahan 46% mendapat akses untuk berkongsi komputer, 10% mempunyai komputer dan akses untuk berkongsi komputer, manakala 18% tidak mendapat akses kepada komputer. Bagi pelajar gred 6, akses mereka adalah lebih baik, apabila 49.5% mempunyai akses kepada komputer sendiri, 12% mendapat akses untuk berkongsi komputer, 27.9 memiliki komputer sendiri dan mendapat akses untuk berkongsi komputer, tetapi 10.5% tidak mendapat akses sama sekali (INEED 2021, 47). Dalam kalangan pelajar gred 6, kurangnya akses kepada komputer adalah tiga kali ganda lebih tinggi (15%) bagi pelajar di 20% sekolah dengan tahap sosioekonomi yang rendah dan tidak mempunyai kelebihan budaya, dibandingkan dengan 22% sekolah dengan tahap sosiekonomi dan budaya paling tinggi, apabila hanya 5% sahaja pelajar yang tidak mendapat akses kepada komputer (INEEd, 47).

Disebabkan kecemasan kesihatan awam dan ekonomi oleh COVID-19 terhadap tuntutan kewangan baharu kerajaan, keadaan ini telah menyesakkan pendanaan awam untuk pendidikan. Ini telah membataskan keupayaan kerajaan untuk menyediakan sokongan kepada strategi pembelajaran secara jarak jauh, termasuklah menyediakan dana kepada ketersambungan internet dan peranti kepada semua pelajar dan pembangunan profesional guru. Begitu juga, keperluan kepada penjarakan fizikal telah menghalang pentadbiran pentaksiran nasional bagi pengetahuan dan kemahiran pelajar, serta penempatan calon guru di sekolah.

Memandangkan keperluan cepat untuk memenuhi tuntutan baharu yang disebabkan oleh pandemik terlalu banyak, pada masa

yang sama sistem pendidikan perlu menangani keperluan berterusan sistem pentadbiran. Namun begitu, keperluan penjarakan fizikal, kesan kesihatan terhadap staf, dan batasan sumber begitu menjelaskan fungsi sistem pendidikan yang sedang dilaksanakan (Reimers dan Scleicher [2020b](#)).

### *Bagaimakah ia dipraktikkan?*

Lakukan satu tinjauan terhadap staf penting setiap kali adanya gangguan kepada operasi pendidikan, untuk menilai impak pandemik kepada operasi fungsi penting di sekolah. Tinjauan pada peringkat sistem seperti penyampaian kurikulum, pentaksiran, pembangunan profesional guru, pelantikan guru dan kenaikan pangkat, penyampaian makanan sekolah dan perkhidmatan pelajar yang lain-lain juga boleh diadakan.

Pentadbiran pendidikan selalunya tidak dapat melaksanakan polisi dengan cekap disebabkan sifatnya begitu kompleks, kordinasi tidak mencukupi yang merentasi peringkat pentadbiran, kebiasaan dan peraturan yang melambatkan pelaksanaan. Ringkasnya tidak adanya rantaian penyampaian yang berkesan dalam operasi sistem sekolah. Menanganikekangan ini dan memastikan adanya rantaian kerja adalah sangat penting apabila tindakan pantas diperlukan.

### *Cadangan bacaan*

Reimers dan Schleicher [2020b](#).

## Rumusan

Oleh kerana pandemik telah memberi kesan kepada populasi yang berbeza dan kepada sistem sekolah dengan cara yang berbeza, maka langkah pertama dalam merancang tindakan pendidikan adalah dengan memastikan keadaan sebenar kesan pandemik ini terhadap pelajar, komuniti, guru, dan sistem penyampaian pendidikan itu sendiri.

Perancangan ini dapat dilakukan menerusi kaedah dan protokol pengumpulan data yang mudah di bilik darjah, sekolah, dan pada peringkat sistem. Beberapa protokol dapat menyokong rutin baharu, seperti pemeriksaan harian semasa pelajar memulakan hari persekolahan, iaitu, guru meminta pelajar untuk berkongsi khabar masing-masing. Guru kemudiannya boleh menggunakan maklumat ini untuk membentuk tindakan yang bersesuaian, untuk membantu kesejahteraan pelajar dan kesediaan mereka untuk belajar. Tema menyeluruh yang dikemukakan dalam buku kecil ini mengemukakan keperluan kepada tindakan bersepadu dan koheren yang berasaskan pemahaman konteks. Kemudian, aktiviti yang menyokong keupayaan untuk melaksanakan tindakan ini akan diadakan.

Analisis seterusnya mengemukakan maklumat tentang tindakan-tindakan yang sepatutnya menjadi sebahagian daripada strategi pendidikan.

## II. Bina strategi di peringkat sekolah atau sistem untuk mengajar semasa wabak atau ketika pemulihian daripadanya

Kita mesti membangunkan strategi baharu berdasarkan pemahaman berdasarkan fakta mengenai impak pandemik ke atas kehidupan pelajar, guru, keluarga dan operasi sekolah. Sistem sekolah dan pendidikan mesti mengenal pasti dan mengutamakan keperluan pendidikan yang mereka rancang untuk capai, dan membina strategi untuk mencapainya. Strategi ini perlulah dipandu oleh komitmen untuk mendidik semua pelajar. Rancangan ini perlu mengenal pasti cara untuk menyampaikan pendidikan, termasuk keseimbangan antara pengajaran secara bersemuka dan secara jarak jauh (*remote*) dan untuk membezakan antara pelajar. Oleh kerana pandemik telah mengurangkan keupayaan untuk menyampaikan pendidikan, keutamaan kurikulum mungkin perlu disusun semula.

Strategi tersebut perlu menyediakan peluang untuk pemulihian pembelajaran kepada pelajar yang paling banyak mengalami kerugian pembelajaran dan penglibatan. Strategi ini juga perlu menyokong kesajahteraan pelajar, dengan mengambil kira tekanan dan trauma yang mereka hadapi disebabkan oleh pandemik, dalam beberapa keadaan, tempohnya berlarutan. Strategi ini juga perlu dibina berdasarkan kekuatan dan inovasi yang dijana semasa pandemik dengan menggabungkan peruntukan pelbagai perkhidmatan yang dapat menyokong pelajar secara holistik.

## 1. Kesediaaan untuk menyokong semua pelajar

### *Prinsipnya*

Digunakan sebagai kriteria untuk memandu pendidikan bagi memastikan hasil pendidikan yang seimbang kepada semua pelajar. Membina kerangka kerja mengenai erti “peluang pendidikan” dalam konteks pengajaran secara jarak jauh yang cukup besar, dan memantau sistem bagi mengenal pasti jurang antara kategori pelajar – perempuan lwn lelaki, miskin lwn kaya, luar bandar lwn bandar, pelajar yang hilang keupayaan lwn pelajar berkeupayaan, dll. Utamakan tindakan yang merapatkan jurang tersebut bagi semua pelajar.

### *Buktinya*

Sementara peluang pendidikan biasanya ialah hasil interaksi antara pendidikan dan kelebihan sosial sedia ada pelajar, faktor sosioekonomi menjadi lebih menonjol ketika pandemik, yang meletakkan beban berlebihan kepada yang miskin. Atas sebab ini, adalah penting bagi institusi pendidikan mengutamakan ekuiti dalam memandu strategi.

Hal ini bermakna mengenal pasti secara sistematik kumpulan dan kategori pelajar yang terkesan paling berat dengan pandemik dan/atau mereka yang mempunyai kekurangan yang paling banyak. Strategi ini menentukan bahawa sekolah boleh menyediakan kaedah pendidikan alternatif kepada kumpulan yang paling berisiko.

Dalam masyarakat yang mempunyai perlindungan sosial yang lebih terbatas, pandemik meletakkan beban tak seimbang ke atas yang miskin (Anderson 2021, Bellei et al 2021, Cárdenas 2021, Hamilton dan Ercikan 2021, Soudien et al 2021). Dalam sesetengah latar sosial, beban ini berganda bagi budak perempuan dan wanita,

yang masyarakat jangkakan akan menerima bahagian tak seimbang dalam kos penyesuaian semasa pandemik, termasuk beban dalam penjagaan kanak-kanak atau orang tua (Ritz 2020). Hak pendidikan pelajar yang hilang keupayaan memerlukan perhatian yang lebih, sebagai sebahagian daripada komitmen untuk menyokong semua pelajar.

Sesetengah negara, seperti Portugal, telah menerima pakai fokus eksplisit dengan memastikan peluang pendidikan kepada kumpulan yang kurang berasib baik semasa pandemik. Begitu juga negara-negara seperti Jepun dan Singapura telah memusatkan sumber kepada kumpulan yang kurang berasib baik dengan menyediakan komputer dan meningkatkan ketersambungan, dan menekankan kesinambungan pendidikan ketika pengajaran secara jarak jauh (Iwabuchi et al 2021, Tan dan Chua 2021).

Satu kaji selidik yang dijalankan ke atas pihak berkuasa di negara-negara OECD pada awal tahun 2021 menunjukkan bahawa kebanyakan negara mengutamakan pendidikan secara bersemuka untuk pelajar-pelajar yang kurang berasib baik dan menawarkan pendekatan pemulihan untuk menutup jurang pembelajaran. Tiga daripada lima negara telah membangunkan kaedah tertentu untuk menyokong pelajar yang kurang berasib baik, dan dua daripada lima negara juga mensasarkan pelajar imigran (OECD 2021).

### *Bagaimakah ia dipraktikkan?*

Bina papan pemuka berkaitan indikator penting untuk peluang pendidikan (capaian, penglibatan, pembelajaran, kesejahteraan), berasingan bagi kumpulan berisiko tinggi, dan memantau secara sistematis indikator peluang.

Bagi setiap keputusan polisi, tanyakan “Apakah kemungkinan impaknya ke atas setiap kumpulan yang mempunyai risiko paling besar?”

Sasarkan sumber untuk menyokong pendidikan mereka yang paling tidak berasih baik, umpamanya, menyediakan peranti, ketersambungan, dan capaian percuma kepada kandungan digital dan data (melalui Operator Rangkaian Mudah Alih) kepada pelajar miskin.

Berunding dengan pelajar yang hilang keupayaan dan keluarga mereka untuk memahami keutamaan dan halangan dalam capaian dan penglibatan dalam pendidikan.

Pastikan aksesibiliti ke atas bahan pembelajaran dan peluang supaya pelajar yang hilang keupayaan boleh mengakses platform, kandungan, sumber dan pengalaman dalam format yang boleh diakses dan bersesuaian pada dasar sama rata dengan yang lain.

Menetapkan polisi dan memperuntukkan sumber untuk penyediaan penempatan bersesuaian (contohnya, masa tambahan untuk menyiapkan tugas, menunjukkan pembelajaran dalam cara berlainan, dll.) dan peranti bantuan (contohnya, perisian pembaca skrin, kerusi yang disesuaikan, dll.) untuk membantu pembelajaran pelajar yang hilang keupayaan.

Membangunkan keupayaan guru dalam pengajaran inklusif sejajar dengan prinsip Reka Bentuk Sejagat untuk Pembelajaran (Universal Design for Learning) untuk menyokong penglibatan aktif semua pelajar.

### *Cadangan Bacaan*

Accessible Digital Learning [2021](#), Anderson [2021](#), Bellei et al [2021](#), Cárdenas [2021](#), Hamilton dan Ercikan [2021](#), Instituto Rodrigo Mendes

[2021](#), Iwabuchi et al [2021](#), OECD [2021](#), Soudien et al [2021](#), Tan dan Chua [2021](#), UNICEF [2021b](#), UNICEF [2021c](#).

## 2. Membina platform pengajaran yang menyeimbangkan pembelajaran bersemuka dengan pembelajaran secara jarak jauh dan membenarkan keperibadian dan kelainan

### *Prinsipnya*

Menukar sistem penyampaian pendidikan daripada secara bersemuka terutamanya, kepada pembelajaran teradun secara jarak jauh dan secara bersemuka. Hal ini akan memanjangkan masa pembelajaran dan menyediakan pelajar peluang untuk pembelajaran kendiri dan peribadi.

Meskipun platform yang menyediakan interaktiviti paling baik adalah lebih unggul dalam keupayaannya untuk memupuk kemahiran aras-tinggi, mereka yang membuat keputusan berkaitan sistem-sistem ini perlulah juga menimbalangkan ketidaksamaan dalam capaian. Selagi boleh, sekolah perlu menyediakan semua pelajar dengan peranti dan ketersambungan yang membolehkan mereka menggunakan platform jalur lebar dalam talian berbanding media yang mempunyai bentuk interaksi yang lebih terbatas seperti radio, televisyen atau Whatsapp.

### *Buktinya*

Antara pelbagai cara pandemik membataskan peluang pembelajaran, langkah penjarakan sosial membataskan pengajaran secara bersemuka. Hal ini menyebabkan sekolah ditutup (UNESCO-UNICEF-World Bank [2020](#)). Pada peringkat awal wabak ini, ibu bapa dan guru

khuatir untuk bertemu di sekolah, walaupun terdapat bukti terbatas yang menunjukkan sekolah menyumbang kepada penyebaran virus ini. Sumbangan sekolah dalam hal ini adalah sangat rendah berbanding dengan tempat kerja dan perjumpaan di institusi-institusi lain dan tidak terdapat bukti bahawa kesan kesihatan menjustifikasikan penutupan sekolah secara berlanjutan di sesetengah negara. Menurut analisis OECD mengenai data penutupan sekolah dalam tahun 2020, tempoh penutupan sekolah tidak berkaitan dengan kadar jangkitan walaupun setelah kawalan bagi pendapatan per kapita (OECD [2021](#)).

Tambahan pula, bukti memuncul mengenai keterbatasan pengajaran secara jarak jauh dalam mengekalkan penglibatan pelajar dan sokongan pembelajaran, menggariskan kepentingan bagi menyediakan pelajar dengan sekurang-kurangnya sedikit peluang untuk pengajaran secara bersemuka – jika perlu, dengan menerima kedatangan pelajar secara bertangguh dalam kumpulan, dan dengan mengutamakan pelajar-pelajar yang sangat memerlukan sokongan secara bersemuka (termasuk kanak-kanak yang lebih kecil dan pelajar dengan keperluan khas) (Anderson [2021](#)). Kebanyakan negara OECD melaporkan bahawa mereka melaksanakan keutamaan ini (OECD [2021](#)).

Pada masa yang sama, pelaksanaan pengajaran secara jarak jauh menemui kegagalan disebabkan sistem penyampaian secara jarak jauh yang mantap belum dibina pada masa pandemik. Sistem tersebut bukan saja akan memasukkan ketersambungan dan peranti tetapi juga kemahiran yang diperlukan untuk mengajar dan mempelajarinya. Negara-negara yang telah menyokong perkembangan pedagogi digital seperti Finland dan Singapura kurang mengalami trauma dalam peralihan ke arah pembelajaran secara jarak jauh (Lavonen and Salmela-Aro [2021](#) dan Tan dan Chua [2021](#)).

Sekolah menggunakan pelbagai sistem penyampaian alternatif semasa pandemik – daripada penyediaan buku dan buku kerja kepada pelajar, kepada pendidikan radio dan televisyen, kepada pendidikan berasaskan internet (Reimers dan Schleicher 2020b). Cara mereka menggunakan internet juga pelbagai, daripada berfungsi terutamanya sebagai katalog atau platform digital, kepada medium untuk penyampaian kuliah, kepada bentuk pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif.

Pilihan platform penyampaian melibatkan lebih daripada penggunaan medium fizikal untuk memudahkan interaktiviti antara pelajar, guru dan kandungan. Pilihan ini juga melibatkan peruntukan untuk jenis interaksi dan bagaimana platform tersebut akan digunakan. Dengan kata lain, pendidik mesti membina kejelasan mengenai tugas pengajaran yang akan mengambil tempat di platform tersebut. Untuk reka bentuk pengajaran dalam talian (Anderson 2021), mereka perlu menggunakan prinsip reka bentuk yang mantap untuk tugas pengajaran, seperti yang dirumuskan oleh Anderson dan Pesikan (2017).

Pengalaman Mexico semasa pandemik memberikan pengajaran berguna mengenai keperluan untuk memastikan pelajar mendapat akses kepada platform pilihan. Sementara negara itu memilih strategi berasaskan televisyen untuk kelangsungan pendidikan - dipengaruhi oleh kebolehcapaian hampir sejagat kepada televisyen dan tradisi lama Kementerian Pendidikan dalam penerbitan TV pendidikan (Telesecundaria) – sebuah agensi kerajaan Mexico yang menjalankan kaji selidik pada bulan Jun 2020 menunjukkan bahawa 57.3% pelajar kekurangan akses kepada komputer, televisyen, radio, atau telefon bimbit semasa kecemasan. Tambahan pula, 52.8% daripada strategi tersebut memerlukan bahan material yang tidak dimiliki oleh pelajar di rumah (MEJOREDU, 2020).

Dalam kaji selidik yang sama, 51.4% pelajar melaporkan bahawa aktiviti dalam talian, dalam television, dan dalam program radio adalah “membosankan” (MEJOREDU, 2020). Pelajar melaporkan cabaran kepada pembelajaran berpunca daripada sokongan terbatas atau ketiadaan penjelasan daripada guru, ketiadaan penjelasan dalam aktiviti yang mereka sepatutnya lakukan, kekurangan maklum balas mengenai kerja yang telah mereka selesaikan, ketiadaan pengetahuan tentang kejayaan atau kesalahan mereka dalam aktiviti tersebut, dan kekurangan kefahaman mengenai perkara yang mereka lakukan. Kesannya, pembelajaran tidak berlaku dengan banyak dan pelajar membina persepsi sendiri berkenaan keupayaan diri mereka untuk meningkat ke gred seterusnya. Lebih daripada separuh pelajar (60% pada peringkat rendah dan 44% pada peringkat menengah) menunjukkan bahawa semasa tempoh pembelajaran secara jarak jauh, mereka hanya mengulang kaji kandungan yang telah diajarkan sebelumnya (MEJOREDU, 2020).

### *Bagaimanakah ia dipraktikkan?*

Membina platform multimedia yang mengintegrasikan beberapa kefungsian: pengedaran sumber pengajaran digital kepada pelajar, ibu bapa, dan guru; aplikasi berasaskan awan, kelas maya, sidang video, sistem pengurusan pembelajaran, keupayaan penstriman (streaming), dan peralatan yang menyokong interaksi dalam kalangan pelajar, dalam kalangan pelajar dan guru dan dalam kalangan guru; dan peranti dan ketersambungan untuk sekolah. Selagi boleh, sediakan ketersambungan dan peranti kepada semua pelajar yang memerlukannya. Hal ini mungkin melibatkan pembentukan persetujuan dengan editor teknikal dan pembekal komunikasi digital. Struktur penyampaian pendidikan mesti kekal secara peribadi terutamanya,

dilengkapkan dengan sambungan digital untuk pembelajaran dalam talian.

Strategi yang seimbang yang mengintegrasikan penggunaan pengajaran secara peribadi dengan pengajaran digital mempunyai beberapa kelebihan. Ia memanjangkan masa pembelajaran dan menyediakan pelajar manfaat unik bagi setiap medium sementara amat serba boleh dalam menyesuaikan kepada perubahan dalam konteks yang mungkin pada situasi lain akan membataskan peluang untuk pengajaran secara bersemuka. Pada tempoh ketika tiada sekatan dikenakan ke atas pertemuan secara bersemuka, masih amat wajar untuk memasukkan pengajaran digital. Hal ini menyokong personalisasi, memanjangkan masa pembelajaran, dan memupuk keupayaan pelajar untuk pembelajaran digital. Perkara ini akan mengembangkan julat kemahiran abad kedua puluh pelajar dan menyediakan asas untuk pembelajaran sepanjang hayat. Sekiranya tambahan penjarakan fizikal diperlukan, adalah lebih mudah untuk menambah bahagian pengajaran yang mengambil tempat dalam platform digital, sementara mengekalkan sebahagian pengajaran secara bersemuka untuk manfaat sosial dan emosi yang unik yang boleh diberikan kepada pelajar.

Platform multimedia data boleh memasukkan aktiviti pengajaran dan sumber untuk pelajar mengikuti bersama-sama secara sendiri, yang menambah kurikulum dalam kelas. Hal ini membenarkan pelajar untuk terlibat secara sendiri dengan pelajaran dan aktiviti berstruktur serta aplikasi pembelajaran gamifikasi.

### *Cadangan bacaan*

Anderson [2021](#), Anderson dan Pesikan [2017](#), Lavonen dan Salmela-Aro [2021](#), MEJOREDU [2020](#), OECD [2021](#), Reimers dan Schleicher [2020b](#), Tan dan Chua [2021](#) dan UNESCO-UNICEF-World Bank [2020](#).

### 3. Mengutamakan kurikulum. Tumpukan kepada kecekapan dan pendidikan pelajar keseluruhannya

#### *Prinsipnya*

Utamakan kurikulum: tumpukan kepada pembentukan hasil pembelajaran dan kecekapan berbanding kandungan yang disampaikan. Sasarkan kepada kecekapan kognitif, antarapersonal, dan kecekapan intrapersonal dan pembelajaran aktif.

#### *Buktinya*

Analisis terbaru dalam pendekatan untuk menangani kerugian pembelajaran mengenal pasti fokus untuk “pemulihan” atau “pemulihian pembelajaran”. Kajian ke atas pemulihan menunjukkan bahawa hal ini tidak efektif; sebaliknya model pendidikan dipercepatkan melibatkan pengutamaan kurikulum, menumpukan kepada perkara asas, dan mengurangkan jumlah masa yang diperuntukkan kepada penilaian (Anderson 2021).

#### *Bagaimakah ia dipraktikkan?*

Pada peringkat sekolah atau sistem, kaji semula kecekapan yang pelajar dijangkakan akan peroleh pada akhir setiap gred, dan tumpukan kepada sokongan pembangunan kecekapan ini (berbanding hanya “memenuhi kurikulum”). Hal ini mungkin memerlukan penyesuaian kurikulum dan mengutamakan kecekapan teras.

Pada peringkat sekolah, nilai kanak-kanak ketika mereka kembali ke sekolah dan kelompokkan kanak-kanak berdasarkan tahap pembelajaran berbanding melalui gred.

## *Cadangan bacaan*

Anderson [2021](#).

### 4. Pembelajaran dipercepatkan dan bersifat peribadi

#### *Prinsipnya*

Reka bentuk kurikulum baharu dan aktiviti pengajaran yang mengutamakan pembelajaran dipercepatkan. Sokong personalisasi dengan masa pembelajaran yang lebih dan tutoran (tutoring) secara individu.

#### *Buktinya*

Pemecutan bukanlah pemulihan. Sebaliknya, pemecutan memerlukan tumpuan kepada kecekapan penting dan menghabiskan masa yang kurang ke atas penilaian, dengan itu membantu pelajar maju dengan lebih cekap (Anderson [2021](#)).

Bukti kajian menunjukkan bahawa pendekatan pendidikan dipercepatkan menghasilkan manfaat pembelajaran yang lebih besar dalam kalangan pelajar kurang bernasib baik lebih daripada pendekatan pemulihan, dan adalah munasabah untuk menganjurkan rangkaian besar sekolah sekitar pendekatan dipercepatkan (Levin [2005](#)).

Pendekatan utama dalam kebanyakan sistem pendidikan dalam negara-negara OECD adalah untuk menguruskan kerugian pembelajaran dengan pemulihan berbanding dengan kurikulum dipercepatkan (OECD [2021](#)).

### *Bagaimakah ia dipraktikkan?*

Pilih suatu pendekatan yang menyokong semua pelajar dalam membangunkan kecekapan yang diutamakan melalui program dipercepatkan dan tutoran.

Gunakan pentaksiran pengetahuan dan kemahiran pelajar untuk mereka bentuk strategi pengajaran secara peribadi yang mengajar pada tahap yang sesuai – contohnya dengan membentuk kluster pelajar dalam gred yang sama.

Gunakan panduan pembelajaran – sebolehnya secara dalam talian – bagi menyediakan pelajar dengan peluang yang lebih kerap untuk maklum balas formatif. Hal ini menyokong pembelajaran secara sendiri. Aplikasi digital boleh menyokong pembelajaran kendiri dalam literasi asas serta subjek akademik. Peranti digital – yang tidak memerlukan ketersambungan berterusan – boleh menyediakan pelajar akses kepada aktiviti seperti membaca, buku, permainan, dan video, yang disusun secara urutan pembelajaran dalam kurikulum yang sangat berstruktur. Kaedah ini membenarkan pembezaan, dengan penilaian beterusan untuk kehadiran (check-in) dan peluang untuk kajian semula.

Reka bentuk tugas pengajaran yang menggalakkan pengaktifan kognitif aras tinggi dengan melibatkan pelajar dalam pembelajaran berasaskan masalah secara usaha sama. Hal ini membenarkan pelajar untuk menangani masalah yang mencabar untuk tempoh berpanjangan.

### *Cadangan bacaan*

Anderson 2021, Levin 2005, OECD 2021.

## 5. Menyokong kesihatan mental dan kesejahteraan emosi pelajar

### *Prinsipnya*

Libatkan semula pelajar untuk menyokong kesihatan mental dan kesejahteraan mereka.

Integrasikan tumpuan kepada pembangunan emosi pelajar dalam semua kurikulum berbanding menguruskannya secara terpisah dalam kurikulum.

### *Buktinya*

Pelbagai kesan pandemik, termasuk tempoh berpanjangan dalam perpisahan dengan rakan sebaya dan kawan-kawan disebabkan langkah penjarakan sosial, telah menjadi trauma kepada ramai pelajar. Langkah-langkah ini mungkin mempunyai kesan jangka panjang ke atas kesejahteraan pelajar, yang memberi kesan kepada fokus, daya penumpuan, dan dedikasi yang diperlukan untuk pembelajaran ([MEJOREDU 2020](#), [Ritz 2020](#)).

Meskipun masih tidak terdapat maklumat yang mencukupi berkaitan impak kesihatan mental global akibat pandemik ini, bukti kukuh menunjukkan bahawa campur tangan sekolah boleh menyokong kesejahteraan pelajar. Oleh itu, tumpuan ke atas kesihatan mental tidak boleh diabaikan untuk pembelajaran pelajar dalam semua domain ([Aspen Institute 2019](#), [Pekrun 2014](#)).

### *Bagaimanakah ia dipraktikkan?*

Terima pakai kurikulum pembelajaran sosioemosi yang menumpukan secara eksplisit kepada kecekapan seperti kesedaran emosi, empati, pengurusan tekanan, membuat keputusan dengan bertanggungjawab, konsep diri yang positif, dan penjagaan diri. Perkenalkan pengajaran dan perbincangan eksplisit mengenai kecekapan ini dengan memperuntukkan waktu tertentu setiap minggu bagi perkembangannya. Integrasikan kecekapan ini dalam semua kurikulum akademik dan bukan akademik.

Sediakan guru dengan peluang untuk membentuk kecekapan bagi menyokong kesejahteraan pelajar.

Pada peringkat sekolah, wujudkan peluang untuk menilai pelajar secara holistik. Sebagai contoh, cipta portfolio pelajar yang dapat diakses oleh semua guru dan staf pelajar dan adakan mesyuarat secara berkala untuk membincangkan perkembangan setiap pelajar pada beberapa julat dimensi – akademik, peribadi dan sosial.

### *Cadangan bacaan*

Aspen Institute 2019, Pekrun 2014.

## **6. Akses keberkesanan inovasi yang telah dilaksanakan**

### *Prinsipnya*

Untuk menyokong inovasi dan penambahbaikan dalam sektor pendidikan pascapandemik, dan untuk mengkaji kejayaan dan kegagalan polisi dan amalan yang diimplementasikan semasa COVID-19.

## *Buktinya*

Meskipun berlaku banyak kerugian yang disebabkan oleh pandemik, pendidik dan komuniti sekolah telah mencipta inovasi-inovasi untuk mengekalkan peluang pendidikan (Reimers dan Schleicher 2020b). Inovasi ini termasuklah pendekatan pedagogi baharu yang dibina oleh guru, kerjasama bentuk baharu dalam kalangan guru, bentuk organisasi dan pengurusan yang baharu yang memungkinkan pembangunan cara alternatif untuk mengajar dan membetulkan semula kursus berdasarkan maklum balas.

Berasaskan inovasi ini, pulangan adalah sejajar dengan Pertanyaan Penghargaan (Appreciative Inquiry), sebuah pendekatan berasaskan kekuatan bagi perubahan organisasi (Cooperrider, Whitney dan Stavros 2004).

## *Bagaimakah ia dipraktikkan?*

Pada peringkat sekolah, lakukan perjumpaan berkala untuk mengkaji dan meneliti inovasi pendidikan yang telah dilaksanakan. Bina keupayaan guru untuk menilai kecekapan yang telah dicapai oleh pelajar sebagai hasil daripada pendekatan alternatif terhadap pendidikan yang diamalkan semasa pandemik. Gunakan analisis dan pembelajaran dalam perjumpaan ini untuk mempercepatkan pembangunan kurikulum dan untuk menyokong pembangunan holistik semua pelajar. Integrasikan pembelajaran rakan-ke-rakan di sekolah-sekolah yang berbeza, yang dapat memupuk proses inovasi dan penambahbaikan bersama.

## *Cadangan bacaan*

Cooperrider, Whitney dan Stavros [2004](#) dan Reimers dan Schleicher [2020b](#).

## 7. Integrasikan perkhidmatan yang menyokong pelajar (kesihatan, pemakanan)

### *Prinsipnya*

Sokong pelajar dan keluarga mereka dalam mendapatkan kesihatan, nutrisi, kesihatan mental dan perkhidmatan sosial yang penting untuk pembelajaran pelajar.

### *Buktinya*

Keadaan dan penjagaan yang dialami oleh pelajar di rumah, akses mereka kepada sumber makanan stabil, dan keselamatan fizikal dan psikologi mereka semuanya mempengaruhi kehidupan pelajar. Amat payah untuk menumpukan kepada kerja sekolah jika seseorang lapar atau apabila berlaku gangguan dan keganasan di rumah. Sekolah biasanya memberikan sebahagian daripada perkhidmatan ini untuk membantu kesejahteraan pelajar secara langsung – contohnya dengan menyediakan makanan di sekolah atau perkhidmatan psikologi.

Pelbagai program dan pendekatan telah diusahakan untuk menyediakan pelajar dengan perkhidmatan bersepadu, seperti Children's Harlem Zone di Amerika Syarikat (Croft dan Whitehurst [2010](#)), zon keutamaan tindakan di Perancis, dan zon tindakan pendidikan di England (Dickson dan Power [2001](#)). Satu penilaian

kajian terbaru menunjukkan bahawa pendekatan bersepada untuk menyokong pelajar telah menyumbang kepada kemajuan akademik, kadar kehadiran yang lebih baik, usaha, dan keterlibatan; pencapaian akademik yang lebih tinggi; pengurangan kadar keciciran; dan hasil sosial dan emosi yang lebih baik (Wasser Gish [2021](#)).

### *Bagaimakah ia dipraktikkan?*

Pada peringkat sistem, integrasikan pangkalan data dengan maklumat mengenai kanak-kanak dan keluarga daripada pelbagai agensi pendidikan, kesihatan dan perlindungan sosial. Bagi meningkatkan kadar respons dan kualiti informasi yang didapati daripada kaji selidik ke atas keluarga, minimumkan jumlah kaji selidik yang dilakukan; bekerjasama dengan semua agensi supaya kaji selidik yang sama boleh memenuhi keperluan pelbagai agensi.

Pada peringkat sekolah, bina penilaian berkala untuk setiap kanak-kanak. Penilaian ini perlu melibatkan pekerja sosial, kaunselor, dan individu lain yang relevan dalam kehidupan pelajar. Dengan memetakan sistem sokongan sosial pelajar, pendidik boleh memastikan bahawa semua bahagian kesejahteraan pelajar dilindungi.

Wujudkan mekanisma untuk penyelarasan dengan agensi sosial yang lain, lantas memastikan bahawa pelajar akan menerima sokongan perubatan, nutrisi dan sosial yang mereka perlukan.

Pengajaran di sekolah boleh juga memupuk integrasi antara pendidikan, kesihatan, dan kesejahteraan, umpamanya apabila pelajar mencapai pengetahuan yang relevan bagi mengekalkan kesihatan mereka atau kesihatan awam. Terbaharu, hal ini mengambil bentuk pengetahuan berkaitan COVID-19 dan cara-cara untuk mengurangkan penyebarannya. Di luar pandemik, sekolah perlu membantu pelajar memupuk kemahiran hidup yang akan membantu mereka menetapkan

hak-hak mereka dan merundingkan perhubungan yang sihat di luar sekolah.

### *Cadangan bacaan*

Croft dan Whitehurst [2010](#), Dickson dan Power [2001](#) dan Wasser Gish [2021](#).

## Rumusan

Berdasarkan kefahaman yang spesifik dan berfakta mengenai cara-cara pandemik memberi kesan kepada pelajar, komuniti, dan sistem pendidikan, suatu tindak balas pendidikan perlu memasukkan tindakan yang dipandu oleh tujuh prinsip: 1) komitmen untuk menyokong semua pelajar; 2) pembangunan sistem penyampaian teradun dengan keupayaan untuk peralihan secara lancar ke arah pengajaran secara jarak jauh, sebagaimana diperlukan; 3) kurikulum yang mengutamakan pengembangan bidang kecekapan yang menyokong kanak-kanak secara keseluruhannya; 4) pendekatan pembelajaran yang dipercepatkan; 5) sokongan untuk kesihatan mental dan kesejahteraan; 6) penilaian pulangan inovasi yang dijana oleh tindak balas kepada pandemik; dan 7) integrasi yang lebih besar dalam semua perkhidmatan untuk menyokong pembangunan dan pendidikan kohesif pelajar.

Tujuh prinsip ini diambil daripada idea yang mantap dan disokong dalam pendidikan, kecuali idea bahawa sistem teradun perlu menggantikan sistem tradisional (bukan secara jarak jauh) yang bergantung terutamanya kepada pengajaran secara bersemuka. Meskipun idea ini lebih baharu (disokong terutamanya oleh kajian di peringkat pendidikan tinggi), ia diperlukan selagi pandemik terus berkembang dan memberi

kesan kepada sistem pendidikan. Tambahan pula, menyediakan pelajar untuk belajar secara dalam talian adalah asas kepada pembelajaran sepanjang hayat – dalam suasana hari ini, kemahiran digital yang baik adalah semakin penting untuk autonomi dalam pembelajaran.

Tujuh prinsip ini perlu diintegrasikan dan diperkuuhkan satu sama lain. Pendidik perlu memajukannya dengan tindakan yang sejajar pada semua matlamat, bukan dengan tindak balas bersendiri.

Diambil bersama-sama, prinsip-prinsip ini melontarkan cabaran kepada kebanyakan sekolah dan sistem pendidikan – malah, merupakan seruan benar untuk berjuang ke arah “membina semula dengan lebih baik”. Keupayaan sistem untuk melaksanakan matlamat ini bergantung kepada perincian dan tindakan pelaksanaannya.

Keupayaan untuk mengimplementasikan pembaharuan dengan jaya adalah sangat penting sehingga kita tidak boleh membuat andaian atau mengambilnya begitu saja: sebaliknya kita mesti membangunkannya secara terancang. Dalam seksyen seterusnya kita akan beralih kepada langkah ketiga dan penting dalam tindak balas pendidikan ke atas pandemik.

### III. Meningkatkan keupayaan

Membantu pelajar pulih daripada kerugian pembelajaran dan trauma yang dialami ketika pandemik – dan membina ketahanan pelajar, guru dan sistem sekolah untuk mengatasi gangguan masa depan – memerlukan peningkatan keupayaan sekolah. Hal ini bermakna, sama-sama membantu pendidik membina pengetahuan dan kemahiran baharu, dan mengerakkan pihak-pihak berkepentingan yang lain yang dapat membantu mengimplementasikan aktiviti yang diperlukan untuk pemulihan.

Kita boleh meningkatkan keupayaan ini dalam lima cara: 1) membina kemahiran mereka yang bekerja di sekolah; 2) menjajarkan dan menyusun semula peranan dan tanggungjawab sekolah, supaya mereka menyokong pandangan bersepada mengenai perkembangan pelajar; 3) membina perkongsian antara sekolah dan institusi yang lain; 4) menggerakkan ibu bapa dan ahli komuniti; dan 5) mewujudkan rangkaian sekolah.

## 1. Membina keupayaan sekolah. Sejajarkan peranan dan tanggungjawab staf sekolah supaya mereka menyokong pendekatan holistik untuk perkembangan pelajar

### *Prinsipnya*

Sokong sekolah untuk menjadi organisasi pembelajaran, dengan kerjasama profesional menghasilkan kejayaan tahap tinggi dalam menyokong semua pelajar untuk belajar.

### *Buktinya*

Terdapat kajian kukuh dan meluas mengenai kepentingan keupayaan sistem dalam mengimplementasikan perubahan. Pada ketika ini, kebanyakan pendekatan untuk pembaharuan melibatkan pembinaan keupayaan organisasi dan guru (Ehren dan Baxter **2020** dan Fullan **2010**). Sekolah memerlukan autonomi dan sokongan untuk melaksanakan dengan baik elemen strategi yang digariskan di dalam kertas kerja. Seringkali, struktur pentadbiran pendidikan yang mempunyai terlalu banyak lapisan dan kerangka peraturan yang berlebihan dan bermasalah, membataskan keupayaan sekolah untuk menyampaikan pembelajaran. Ketika pandemik, beberapa negara menyaksikan

kordinasi yang sangat rendah dalam kalangan pelbagai peringkat kerajaan dan antara pihak berkuasa pendidikan dan kesihatan awam. Kekangan pentadbiran ini menjadi penghalang kepada sekolah untuk menjadi organisasi pembelajaran dan keupayaannya untuk melaksanakan secara efektif strategi bagi menyokong pembelajaran semasa dan selepas krisis. Pada masa yang sama, ketika pandemik, dalam sebilangan konteks, terdapat usaha inovatif dalam mereka bentuk semula penyeliaan sekolah dan amalan pengurusan peringkat pentadbiran tinggi sebagai khidmat untuk menyokong keupayaan sekolah. Hal ini pada hakikatnya menterbalikkan bentuk pentadbiran tradisional daripada puncak hierarki pentadbiran ke bawah, dan meletakkan sekolah di tengah-tengah.

Inovasi ini, dan hasil yang diperoleh, perlu dikaji untuk tujuan penerusan bentuk-bentuk pentadbiran yang menempatkan sekolah di tengah-tengah, dan yang memetakan pentadbiran pendidikan ke belakang daripada bilik darjah dan sekolah ke peringkat pentadbiran luaran, sambil terus mengajukan soalan ‘apakah yang perlu dilakukan pada peringkat ini sebagai khidmat untuk memperkasakan guru dan pengetua sekolah bagi melakukan usaha terbaik mereka untuk menyokong pelajar supaya berkembang maju?’ Proses analisis, refleksi dan perubahan yang berterusan ini harus menjadi normal baharu bagi membolehkan sekolah menjadi organisasi pembelajaran.

Organisasi pembelajaran mencapai peringkat keberkesanan yang lebih tinggi. Kajian ke atas sekolah sebagai organisasi pembelajaran mengetengahkan tujuh ciri yang mendefinisikan sekolah seperti itu. Ciri-ciri itu adalah:

- 1) membentuk dan berkongsi visi yang tertumpu pada pembelajaran semua pelajar;
- 2) mewujudkan dan menyokong peluang pembelajaran berterusan untuk semua staf;

- 3) mempromosikan pembelajaran berpasukan dan kerjasama antara staf;
- 4) mewujudkan budaya bertanya, inovasi dan penerokaan;
- 5) mewujudkan sistem terbenam untuk mengumpul dan bertukar pengetahuan dan pembelajaran;
- 6) belajar dengan dan daripada persekitaran luaran dan sistem pembelajaran yang lebih besar; dan
- 7) mencontohi dan memupuk kepimpinan pembelajaran (Kools dan Stoll 2016, 3)

### *Bagaimanakah ia diperaktikkan?*

Nilai semula peranan masa kini staf sekolah, dan bina atau susun semula peranan sebagaimana diperlukan untuk menyokong pembangunan holistik pelajar. Sebagai contoh, beri sokongan kepada guru untuk memeriksa kesejahteraan pelajar dan menggalakkan perkembangan emosi mereka. Profesional pakar termasuk kaunselor dan pekerja sosial, diperlukan untuk membawa pengetahuan pakar ke sekolah dan menyokong pembangunan emosi pelajar. Sekolah boleh membina rutin dan protokol ringkas di hari persekolahan untuk menumpukan kepada kesejahteraan pelajar, seperti pemeriksaan harian dengan setiap pelajar.

Nilai semula rantaian penyampaian sistem pendidikan, dan kerangka peraturan, dan perkemaskan proses peraturan dan pentadbiran supaya pengurusan pendidikan menyokong autonomi sekolah yang bersesuaian, dan sokongan efektif dan kesilapan dalam pelaksanaan polisi.

Sejajarkan tindak balas polisi pada semua peringkat kerajaan dan antara pihak berkuasa pendidikan, kesihatan dan kewangan awam. Tanpa pencejajaran sedemikian, sekolah akan terperangkap

dalam ketidaktentuan peraturan kontradiktori atau kehabisan sumber kritikal.

Sementara pembangunan keupayaan melibatkan penggunaan yang lebih baik sumber kewangan sedia ada, wujud keterbatasan mengenai perkara yang boleh diperoleh tanpa sumber baharu. Sebagai contoh, menyediakan semua pelajar dengan peranti dan ketersambungan memerlukan sumber kewangan yang banyak, proses pembelian yang bersesuaian dan pengurusan logistik pelaksanaan yang kompleks. Sumber ini perlu diperoleh, bersama-sama dengan rantaian penyampaian yang menjimatkan dan efektif yang dapat membantu menyediakan infrastruktur untuk pembelajaran teradun. Oleh kerana kemungkinan terdapat batasan ke atas sumber yang ada pada kerajaan, sebagiannya disebabkan oleh tuntutan luar biasa yang terbentuk oleh pandemik, sistem sekolah dan pendidikan mungkin dapat meningkatkan keupayaan institusi dan kewangan mereka dengan membina perkongsian dengan organisasi persatuan sivil. Keberkesanan penggerakan perkongsian ini memerlukan pengenalan-pastian jelas mengenai perkara yang pelajar dan sekolah perlukan, dan mengintegrasikan sumbangan tersebut sebagai sebahagian daripada strategi dan rantaian penyampaian.

Strategi komunikasi yang jelas daripada pihak berkuasa pendidikan adalah penting dalam menyokong rantaian penyampaian dan strategi yang berkesan. Elemen strategi tersebut perlu difahami dengan baik oleh semua pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan, dan tanpa sebarang ruang untuk kesamaran. Sebagai contoh, jika polisi sekolah adalah untuk kembali kepada pengajaran secara peribadi, satu strategi komunikasi perlu menyatakan hal ini dengan jelas dan mensasarkan kepada pembinaan kepercayaan antara ibu bapa, guru dan staf atas dasar saintifik polisi tersebut, dan atas manfaat dan kos dan mekanisma untuk meminimumkan risiko jangkitan. Kempen

komunikasi perlu menyampaikan secara am kepada pelajar, ibu bapa, guru dan masyarakat mengenai kesan pelajar yang tidak hadir ke sekolah, manfaat kehadiran dan risiko rendah jangkitan di sekolah.

Pensejajaran pada pelbagai peringkat pentadbiran dalam pendidikan dan semua sektor, umpamanya kesihatan awam, adalah penting kepada strategi komunikasi yang berkesan.

Sekolah dan sistem pendidikan perlu terus melabur dalam pembangunan keupayaan pendidikan digital, termasuk infrastruktur dan pedagogi digital.

### *Cadangan bacaan*

Ehren dan Baxter **2020**, Fullan **2010** dan Kools dan Stoll **2016**.

## **2. Membina keupayaan guru, pemimpin sekolah dan staf. Pembangunan profesional guru. Komuniti pembelajaran**

### *Prinsipnya*

Menyediakan guru dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyokong pelajar secara holistik dan untuk membina kurikulum secara jarak jauh yang berkesan. Menyediakan pengetua dengan peluang untuk belajar dan menyokong kerjasama profesional di sekolah mereka, yang akan menghasilkan pembelajaran organisasi.

### *Buktinya*

Pembangunan profesional guru dapat mengubah amalan pengajaran dengan cara yang menghasilkan pembelajaran pelajar pada tahap yang

lebih tinggi (Timperley 2008). Walau bagaimanapun, sebahagian besar pembangunan profesional sedia ada tidak berkesan. Untuk menjadi lebih berkesan, latihan perlu mensejajarkan pembangunan profesional dengan kemahiran dan pengetahuan pedagogi yang sekolah jangkakan akan dimiliki oleh guru dan kecekapan yang dijangkakan akan dikembangkan oleh pelajar. Guru juga perlu belajar untuk menilai kemajuan pelajar, supaya guru sendiri dapat melihat sama ada amalan pedagogi mereka adalah berkesan (Timperley 2008).

Program yang membantu guru untuk membangunkan keupayaan untuk mengajar secara holistik tertumpu kepada bekerja dengan pasukan di sekolah, menyediakan peluang berganda untuk pembelajaran di sekolah, mengintegrasikan sekolah dalam rangkaian, dan melebarkan keberkesanan rangkaian ini dengan mengintegrasikannya dengan organisasi yang menyediakan pengetahuan pakar (Reimers 2020). Ketika pandemik, menyediakan guru dengan pembangunan profesional yang memadai untuk mengajar secara jarak jauh membolehkan ramai guru beralih secara efektif kepada pengajaran secara jarak jauh.

### *Bagaimanakah ia dipraktikkan?*

Sokong guru dalam pembangunan kemahiran pedagogi digital mereka. Program dalam talian untuk pembangunan profesional guru seharusnya mengintegrasikan guru dalam komuniti amalan di semua sekolah, apabila guru mempunyai keupayaan untuk bekerjasama dalam menguruskan cabaran bersama.

Nilai kecekapan digital guru untuk membantu mereka membina program pembangunan profesional yang berasaskan keperluan tertentu guru.

Sokong guru dalam memperoleh kemahiran untuk mengimplementasikan kurikulum yang dipercepatkan dan diperibadikan, dengan memfokus kepada kecekapan yang diutamakan, termasuk membangunkan keupayaan guru untuk mengakses kecekapan dan kemajuan pelajar ke arah membina kecekapan dalam pelbagai domain.

Mengembangkan program pembangunan profesional guru yang berdasarkan sekolah dan terbentuk sekitar keperluan guru – dengan itu menyediakan pelbagai bentuk pembelajaran mapan pada tempoh masa yang lama, supaya guru dapat melibatkan diri dalam rangkaian pembelajaran, amalan, refleksi dan pembelajaran lanjutan dengan lebih kerap.

Antara pendekatan yang dapat diterima pakai oleh sekolah pada peringkat mereka adalah: 1) komuniti amalan dan pementoran; 2) pembelajaran rakan-ke-rakan; 3) eksperimentasi kolaboratif; dan 4) kajian tindakan. Pihak berkuasa pendidikan boleh juga mengintegrasikan sekolah ke dalam rangkaian yang lebih besar, apabila komunikasi di semua sekolah disokong oleh inovasi teknologi, universiti, dan organisasi pakar yang membawa kepakaran luar sebagaimana diperlukan. Sistem-sistem ini akan menjadi penting dalam menyediakan guru jalan masuk kepada komuniti kolaboratif untuk sokongan rakan dan dalam menguruskan cabaran pedagogi bersama.

Platform multimedia dapat menjadi sumber kritikal dalam menyokong pembangunan profesional. Platform ini membolehkan akses kepada komuniti profesional tematik, menawarkan sumber untuk guru, menyusun pelan pembelajaran, dan menyediakan sumber pengajaran yang diperlukan untuk menyokong kurikulum.

### *Cadangan bacaan*

Lavonen dan Salmela-Aro [2021](#), Reimers [2020](#) dan Timperley [2008](#).

### 3. Membina perkongsian antara sekolah dan organisasi lain

#### *Prinsipnya*

Membina perkongsian antara sekolah dan organisasi yang lain bagi mengembangkan keupayaan sekolah untuk mendidik pelajar secara holistik, dengan menguruskan kesejahteraan kesihatan mereka sejajar dengan matlamat pendidikan. Perkongsian juga dapat meningkatkan keupayaan sekolah: umpamanya, perkongsian dengan universiti dapat memberikan sekolah akses kepada pelajar yang sukarela menjadi tutor atau pembantu guru untuk membantu memberikan sokongan akademik secara terperibadi kepada pelajar.

#### *Buktinya*

Ketika pandemik, banyak sistem pendidikan menyokong inovasi untuk membina bentuk-bentuk pengajaran secara jarak jauh. Bentuk-bentuk ini biasanya bergantung kepada perkongsian dengan pelbagai organisasi, daripada organisasi teknologi-pendidikan, kepada syarikat penerbitan, kepada syarikat telekomunikasi, kepada organisasi lain yang ditubuhkan untuk menyokong pembangunan profesional guru (Reimers dan Schleicher 2020b dan Reimers dan Marmolejo 2021).

#### *Bagaimanakah ia diperaktikkan?*

Berdasarkan cara pandemik memberi impak kepada sistem pendidikan tertentu, strategi yang relevan dan sumber untuk mengimplementasikannya akan menjadi lebih terserlah di masa hadapan. Pemimpin sistem dan pengetua sekolah dapat memetakan kumpulan berkepentingan tempatan dan mengenal pasti aset yang boleh mereka sumbangkan kepada pelaksanaan strategi yang berjaya.

Hal ini membenarkan pemimpin pendidikan mewujudkan proses perundingan yang akan mengajak kumpulan-kumpulan berkenaan untuk terlibat dalam membina dan mengimplementasikan sistem pendidikan yang lebih mantap, sesuatu yang lebih berdaya untuk menangani krisis yang dicetuskan oleh pandemik.

### *Cadangan bacaan*

Reimers dan Schleicher **2020b** dan Reimers dan Marmolejo **2021**.

## 4. Berkomunikasi dengan ibu bapa dan membina kemahiran keibubapaan

### *Prinsipnya*

Sokong ibu bapa supaya mereka membina kemahiran untuk menyokong pendidikan secara jarak jauh.

### *Buktinya*

Terdapat bukti yang amat banyak dan menarik mengenai peranan ibu bapa dalam menyokong pembangunan pelajar dan ketersediaan sekolah, dan mengenai kuasa pendidikan keibubapaan untuk meningkatkan keberkesan ibu bapa (Brooks-Gunn dan Markman **2005**, DeBord dan Matta **2002**, Family Strengthening Policy Center **2007**).

### *Bagaimanakah ia dipraktikkan?*

Bina dan sampaikan program berkualiti tinggi untuk menyokong ibu bapa supaya mereka dapat memupuk pembangunan anak-anak

mereka secara efektif. Sebagai contoh, kajian mendapati bahawa program pembelajaran awal pendidikan yang berstruktur yang menumpukan kepada literasi asas dan kemahiran mengira, begitu juga pembangunan sosioemosi, adalah lebih efektif. Sekolah boleh menggunakan teknologi mudah alih untuk menyampaikan program ini kepada ibu bapa.

### *Cadangan bacaan*

Brooks-Gunn dan Markman [2005](#), DeBord dan Matta [2002](#), Family Strengthening Policy Center [2007](#).

## 5. Bina rangkaian sekolah

### *Prinsipnya*

Tingkatkan keupayaan sekolah, luaskan peluang untuk pembelajaran kolaboratif dan penyelesaian masalah dan integrasikan sekolah ke dalam rangkaian bersama-sama sekolah lain.

### *Buktinya*

Bryk dan rakan-rakan telah membina satu pendekatan untuk penambahbaikan sekolah berdasarkan integrasi sekolah ke dalam rangkaian yang dapat memudahkan penyelesaian masalah bersama dan pembelajaran kolaboratif.

Ketika pandemik, kajian mendapati bahawa ramai guru bekerjasama dengan guru-guru yang lain di semua sistem sekolah untuk menambah baik strategi pendidikan secara jarak jauh – rangkaian

tidak rasmi ini menyokong banyak inovasi (Reimers dan Schleicher **2020b**). Satu kajian terbaru menunjukkan bahawa banyak sistem dan rangkaian sekolah bekerjasama secara efektif dengan universiti untuk menambah pendekatan mereka bagi pengajaran secara jarak jauh (Reimers dan Marmolejo **2021**).

Memformalkan kerjasama dalam kalangan rangkaian sekolah dapat menyokong pembangunan keupayaan guru dan dapat membantu strategi untuk mengimbangi kerugian pembelajaran dan untuk menguatkan ketahanan pelajar, guru, dan sekolah dalam menangani kejutan di masa hadapan.

### *Bagaimakah ia dipraktikkan?*

Pemimpin sekolah perlu berusaha untuk membentuk rangkaian bersama sekolah bagi tujuan kerjasama dan pembinaan keupayaan guru untuk pedagogi digital. Rangkaian ini boleh kemudian menangani cabaran bersama yang lain, dan untuk berkongsi sumber dan mencapai ekonomi skala. Mengintegrasikan organisasi lain seperti universiti atau kumpulan pendidikan bukan kerajaan, dapat meningkatkan keupayaan rangkaian ini untuk melaksanakan tugas mereka.

### *Cadangan bacaan*

Bryk et al **2015**, Reimers dan Schleicher **2020b**, Reimers dan Marmolejo **2021**.

## Rumusan

Meskipun berlaku kemasuhanan disebabkan oleh pandemik COVID-19, terdapat peluang yang luas untuk “membina semula dengan lebih baik” dalam pendidikan. Peluang ini terletak bukan pada idea, tetapi pada pelaksanaan idea-idea ini; dan pelaksanaannya bergantung kepada pengembangan kapasiti sistem dan kepada sumber kewangan. Dari segi itu, suatu strategi pendidikan adalah, secara terasnya, peluang untuk mengembangkan keupayaan sistem.

Mengembangkan keupayaan sistem memerlukan pemupukan dan perancangan semula keupayaan sekolah, yang seterusnya memerlukan pengemasan rantaian penyampaian pentadbiran birokrasi pendidikan. Ia juga perlu menyokong peranan profesional pendidikan supaya mereka dapat memajukan dengan koheren tujuh prinsip strategi yang digariskan di dalam buku kecil ini.

Memperbaiki keupayaan memerlukan pengembangan keupayaan guru, pemimpin sekolah, dan staf. Sekolah boleh melakukannya dengan membina perkongsian dengan organisasi lain, seperti universiti, atau dengan agensi khusus yang mempunyai kepakaran untuk mengembangkan kemahiran, bahan pengajaran dan sumber-sumber yang lain.

Perkongsian keibubapaan adalah sangat penting dalam proses pembinaan semula ini. Ibu bapa sentiasa mempunyai peranan penting dalam menyokong pembangunan dan pendidikan pelajar; walau bagaimanapun, peranan mereka menjadi lebih penting apabila pengajaran secara jarak jauh semakin kerap memindahkan pengalaman bersekolah ke dalam rumah.

Akhirnya, kita dapat menambah keupayaan dengan menganggap sekolah bukan sekadar organisasi mandiri tetapi adalah sebahagian

daripada rangkaian yang boleh berkongsi sumber dan pengetahuan, dan boleh bekerjasama dalam membentuk penyelesaian kepada cabaran sedia ada.

Jelas sekali, meskipun strategi koheren bertujuan untuk mempromosikan penggunaan sumber kewangan sedia ada dengan lebih cekap, ia tidak dapat dilaksanakan tanpa sumber kewangan. Dengan kata lain, sistem pendidikan tidak dapat memberikan tindak balas pendidikan yang berkesan kepada pandemik berasaskan kepimpinan yang baik dan pengurusan yang baik semata-mata. Mereka juga memerlukan wang untuk membiayai strategi ini. Meskipun agak wajar untuk mengatakan bahawa sumber baharu tidak perlu diperuntukkan untuk sistem pendidikan dalam konteks krisis yang dicetuskan oleh pandemik, sekiranya tiada strategi, adalah tidak bijak untuk membiarkan sistem kekeringan sumber untuk melaksanakan strategi yang baik kerana peluang pendidikan yang hilang akibat krisis yang dicetuskan oleh COVID-19 pasti diterjemahkan kepada kehilangan kesejahteraan ekonomi dan cara untuk mengurangkan kemiskinan dan ketidakseimbangan. Semua ini akan menyulitkan cabaran yang sedia serius dengan kohesi sosial, kestabilan dan peluang untuk menyokong perkembangan dan pembangunan manusia.

Mesej utama dalam buku kecil ini: tiga tunggak tindak balas pendidikan ke atas pandemik haruslah penilaian, strategi dan keupayaan, dengan koheren terletak antara tunggak-tunggak ini. Koheren inilah yang menghasilkan interaksi yang diperlukan dalam membantu membina suatu sistem dengan tahap keberkesanan dan keterlibatan yang lebih tinggi.

## Kesimpulan

Pandemik COVID-19 mengejutkan sistem pendidikan, mengubah konteks pelajar dan keluarga, dan membentuk cabaran sosial yang lebih besar.

Sistem pendidikan bertindak balas dengan cepat, menggunakan pendekatan pelbagai dengan keberkesanan yang bercampur. Ketika pandemik berlanjutan, sistem pendidikan mungkin mengalami kejutan lanjutan di masa hadapan. Memandangkan perkara ini, maka penting untuk kita meningkatkan keberkesanan pendekatan bagi mendidik pelajar secara berlainan.

Pendidikan semasa dan selepas COVID-19 memerlukan pendekatan koheren yang bermula dengan mengambil kira impak pandemik ke atas pelajar, komuniti, dan sistem pendidikan. Mengenal pasti strategi yang relevan akan menentukan apa, dan bagaimana, sistem mengajar di masa hadapan. Hal ini melibatkan pembinaan sistem teradun yang fleksibel yang mengintegrasikan pengajaran secara peribadi dan secara jarak jauh – kemungkinannya, dengan pengajaran mengambil tempat di satu atau modaliti lain bergantung kepada kebolehlaksanaan perhim-punan di sekolah.

Strategi berkenaan harus menumpukan kepada pembelajaran dipercepatkan dengan mengutamakan kurikulum, dan pendidikan kanak-kanak keseluruhannya. Untuk mengimplementasikan strategi tersebut, pendidik dan penggubal dasar mesti memperkuatkan keupayaan sekolah, guru, sistem, pelajar dan keluarga mereka. Hal ini dapat dilakukan melalui pelbagai pendekatan – daripada pembangunan profesional guru yang bertambah baik, kepada pembangunan rangkaian sekolah, kepada sokongan perubahan sekolah sebagai organisasi pendidikan.

## Rujukan

Accessible Digital Learning (2021) <https://accessibledigitallearning.org/>

- Anderson, L. dan Pesikan, A. (2017) Task, Teaching and Learning: Improving the quality of education for economically disadvantaged students (Educational Practices 27). International Academy of Education and International Bureau of Education. <http://www.ibe.unesco.org/en/news/task-teaching-and-learning-improving-quality-education-economically-disadvantaged-students>
- Anderson, L. (2021) Schooling Interrupted: Educating Children and Youth in the COVID-19 Era. Dlm. A. Pesikan, H. Niemi, dan I. Devetak (2021). Education in the COVID-19 Era. *Center for Educational Policy Studies Journal*, 11.
- Aspen Institute (2019) National Commission on Social, Emotional and Academic Development. From a nation at risk to a nation at Hope. <https://www.aspeninstitute.org/programs/national-commission-on-social-emotional-and-academic-development/>
- Atanda, K. dan Cojocaru, A. (2021) Shocks and vulnerability to poverty in middle-income countries. World Bank. <https://blogs.worldbank.org/developmenttalk/shocks-and-vulnerability-poverty-middle-income-countries>
- Audrain, R.L., Weinberg, A.E., Bennett, A., O'Reilly, J. dan Basile, C.G. Ambitious and sustainable post-pandemic workplace design for teachers: A portrait of the Arizona teacher workforce. Dlm. Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.
- Bellei, C., Contreras, M., Ponce, T., Yañez, I., Díaz, R. dan Vielma, C. The fragility of the school-in-pandemic in Chile. Dlm. Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.
- Brooks-Gunn, J., dan Markman, L.B. (2005). The contribution of parenting to ethnic and racial gaps in school readiness. *Future of Children*, 15 (1), 130–168.
- Bryk, A.S., Gomez, L., Grunow, A. dan LeMahieu, P. (2015). Learning to Improve: How America's Schools Can Get Better at Getting Better. Cambridge, MA: Harvard Education Publishing.
- CAEd/UFJF. Centro de Políticas Públicas e Avaliação da Educação – CAEd  
Universidade Federal de Juiz de Fora. AVALIAÇÃO DIAGNÓSTICA AMOSTRAL DA REDE ESTADUAL DE SÃO PAULO – 2021 RELATÓRIO TÉCNICO Supervisão de Medidas Educacionais.
- Cárdenas, S., Lomelí, D. dan Ruelas, I. COVID-19 and post-pandemic educational policies in Mexico. What is at stake? Dlm. Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.
- Cooperrider, D., Whitney, D. dan Stavors, J. (2004). Appreciative Inquiry Handbook for Leaders of Change. Second Edition. Brunswick, Ohio: Crown Custom Publishing.
- Costa, E., Baptista, M., Carvalho, C. The Portuguese educational policy to ensure equity in learning in times of crises. Dlm. Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.

- Croft, M. dan Whitehurst, G.J. (2010) The Harlem Children's Zone, Promise Neighborhoods, and the Broader, Bolder Approach to Education. Brookings. <https://www.brookings.edu/research/the-harlem-childrens-zone-promise-neighborhoods-and-the-broader-bolder-approach-to-education/>
- DeBord, K., dan Maitta, M. (2002). Designing professional development systems for parenting educators [Electronic version]. Journal of Extension, 40 (2). Dicapai pada 26 November, 2005, daripada <http://www.joe.org/joe/2002april/a2.html>
- Dickson, M. dan Power, S. (2001) Education Action Zones: A new way of governing education? Foreword. School Leadership and Management. 21 (2): 137-141.
- Donnelly, R. dan H. Patrinos (2021) Learning loss during COVID-19: An early systematic review. Covid Economics 77, 30 April 2021: 145-153.
- Ehren, M. dan Baxter, J. (2020) Trust, Accountability and Capacity in Education System Reform: Global Perspectives in Comparative Education. Milton: Routledge.
- Family Strengthening Policy Center. (2007). The parenting imperative: Investing in parents so children and youth can succeed (Policy Brief No. 22). Dicapai pada 15 Januari, 2010, daripada <http://www.nasassembly.org/fspc/practice/practices.html>
- Fullan, M. (2010) All systems go: The change imperative for whole system reform. Thousand Oaks, California. Corwin.
- G-20 High Level Independent Panel (2021). A Global Deal for Our Pandemic Age. <https://pandemic-financing.org/report/foreword/>
- Hamilton, L.S. dan Ercikan, K. COVID-19 dan U.S. Schools: Using Data to Understand and Mitigate Inequities in Instruction and Learning. In Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.
- Hanushek, E. dan Woessmann, L. (2020), The Economic Impacts of Learning Losses, OECD, Paris.
- INEEd (2021). Aristas 2020. Primer informe de resultados de tercero y sexto de educación primaria. Recuperado de <https://www.ineed.edu.uy/images/Aristas/Publicaciones/Aristas2020/Aristas-2020-Primer-informe-de-resultados-de-tercero-y-sexto-de-educacion-primaria.pdf>
- Instituto Rodrigo Mendes (2021) Protocols on inclusive education during the covid-19 pandemic an overview of 23 countries and international organizations. <https://institutorodrigomendes.org.br/wp-content/uploads/2020/08/research-pandemic-protocols.pdf>
- Iwabuchi, K., Hodama, K., Onishi, Y., Miyazaki, S., Nakae, S. dan SUZUKI, K.H. Covid-19 and Education on the Front Lines in Japan: What Caused Learning Disparities and How did the Government and Schools Take Initiative? Dlm. Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.
- Kools, M. dan Stoll, L. (2016). What makes a school a learning organization? Paris: OECD. Education Working Paper No. 137.

- Kosaretsky, S., Zair-Bek, S., Kersha, Y. dan Zvyagintsev, R. General Education in Russia During COVID-19: Readiness, Policy Response, and Lessons Learned. Dlm. Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.
- Lavonen, J. dan Salmela-Aro, K. Experiences of moving quickly to distance teaching and learning at all levels of education in Finland. Dlm. Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.
- Levin H.M. (2005) Accelerated Schools: A Decade of Evolution. Dlm:  
Fullan M. (eds) Fundamental Change. Springer, Dordrecht. [https://doi.org/10.1007/1-4020-4454-2\\_9](https://doi.org/10.1007/1-4020-4454-2_9)
- Maldonado, J.E. dan K. DE Witte. (2020). The effect of school closures on standardised student test outcomes. KU Leuven. Department of Economics. DISCUSSION PAPER SERIES DPS20.17 SEPTEMBER 2020
- MEJOREDU, Comisión Nacional para la Mejora Continua de la Educación (2020). *Experiencias de las comunidades educativas durante la contingencia sanitaria por COVID-19*. Educación básica. Informe Ejecutivo. <https://editorial.mejoredu.gob.mx/ResumenEjecutivo-experiencias.pdf>
- OECD (2021) The State of School Education. One Year into the COVID pandemic. <https://www.oecd-ilibrary.org/docserver/201dde84-en.f?expires=1625493605&id=id&accname=guest&checksum=2CoA46o48D91273CF88B392975054583>
- Osterhom, M. dan Olshaker, M. (2021) The Pandemic that Won't End. COVID-19 Variants and the Peril of Vaccine Inequity. Foreign Affairs. Julai-Ogos 2021.
- Pekrun, R. (2014) Emotions and Learning. Educational Practices 24. International Academy of Education and International Bureau of Education.
- Reimers, F. (2020) Empowering Teachers to Build a Better World: How Six Nations Support Teachers for 21st Century Education (Springer Briefs in Education) 1st Edition.
- Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.
- Reimers, F. (2021b) Learning from a pandemic. The impact of COVID-19 on education around the world. Dlm. Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.
- Reimers, F. dan Schleicher, A. (2020b). Schooling disrupted, schooling rethought. How the COVID-19 Pandemic is changing education. Paris: OECD.
- Reimers, F. dan Schleicher, A. (2020a). A framework to guide an education response to the COVID-19 pandemic of 2020. Paris: OECD.
- Reimers, F. dan Marmolejo, F. (Eds). (2021). University School Collaborations during a Pandemic. Cham, Switzerland: Springer.

- Ritz, D., O'Hare, G. dan Burgess, M. (2020). The Hidden Impact of COVID-19 on Child Protection and Wellbeing. London, Save the Children International. [https://resourcecentre.savethechildren.net/node/18174/pdf/the\\_hidden\\_impact\\_of\\_covid-19\\_on\\_child\\_protection\\_and\\_wellbeing.pdf](https://resourcecentre.savethechildren.net/node/18174/pdf/the_hidden_impact_of_covid-19_on_child_protection_and_wellbeing.pdf)
- Soudien, C., Reddy, V. dan Harvey, J. The Impact of COVID-19 on a Fragile Education System: The Case of South Africa. Dlm. Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.
- Tan, O.S. dan Chua, J. Science, Social Responsibility, and Education: The Experience of Singapore During the COVID-19 Pandemic. Dlm. Reimers, F. (Ed.) (2021) Primary and Secondary Education during COVID-19. Cham, Switzerland. Springer.
- Timperley, H. (2008) Teacher Professional Learning and Development. International Academy of Education and International Bureau of Education.
- UNESCO, UNICEF, and the World Bank (2020). *What have we learnt? Overview of findings from a survey of Ministries of Education on national responses to COVID-19.* <http://tgc UIS.unesco.org/covid-survey-r2-infographics/>
- UNICEF (2021a) Ready to Come Back: Teacher Preparedness Package, UNICEF [https://www.unicef.org/mena/media/9601/file/UNICEF\\_MENA\\_TTP\\_total\\_o.pdf%20.pdf](https://www.unicef.org/mena/media/9601/file/UNICEF_MENA_TTP_total_o.pdf%20.pdf)
- UNICEF (2021b) Practical guide to blended/remote learning and children with disabilities. <https://www.unicef.org/media/100986/file/PRACTICAL%20GUIDE%20To%20blended.pdf>
- UNICEF (2021c) Teaching and learning resources for professionals and parents working with children with disabilities. <https://www.unicef.org/media/101006/file/RESOURCES%20CATALOGUE.pdf>
- Wasser Gish, J. (2021) Building Systems of Integrated Student Support: A Policy Brief for Federal Leaders. Chestnut Hill, MA: Boston College Center for Optimized Student Support.
- Willms, D. (2020). The Learning Bar's Framework for Assessing Student Well-being. [https://thelearningbar.com/downloads/Thriving\\_%20The-Learning-Bars-framework-for-assessing-student-well-being\\_May-2020.pdf](https://thelearningbar.com/downloads/Thriving_%20The-Learning-Bars-framework-for-assessing-student-well-being_May-2020.pdf)

## Mengenai Pengarang

**Fernando M. Reimers** ialah Professor Amalan Pendidikan Antarabangsa Yayasan Ford dan Pengarah Global Education Innovation Initiative dan the International Education Policy Master's Program di

Universiti Harvard. Dengan kepakaran dalam bidang Pendidikan Global, kajian dan pengajaran beliau menumpukan kepada pemahaman cara mendidik kanak-kanak dan belia supaya mereka dapat berkembang maju dalam abad ke-21. Beliau merupakan ahli suruhanjaya UNESCO mengenai Masa Hadapan Pendidikan dan ahli Akademi Pendidikan Antarabangsa.

Beliau telah menulis atau menyunting empat puluh buah buku, yang terbaru termasuklah: [Primary and Secondary Schools during COVID-19](#), [University School Collaborations During a Pandemic](#), [An Educational Calamity: Learning and teaching during the Covid-19 pandemic](#), [Leading Education Through COVID-19](#), [Education and Climate Change: the Role of Universities](#), [Implementing Deeper Learning and 21st Century Reforms: Building an education Renaissance after a Global Pandemic](#), [Educating Students to Improve the World](#), [Audacious Education Purposes. How governments transform the goals of education systems](#), [Empowering teachers to build a better world](#). How six nations support teachers for [21st century education](#).

Beliau telah membangunkan bersama-sama pelajar pasca-siswazahnya, tiga sumber kurikulum yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Kelestarian PBB, yang telah diterjemahkan kepada pelbagai bahasa dan digunakan dengan meluas di sekolah dan sistem sekolah di seluruh dunia: [Empowering Global Citizens](#), [Empowering Students to Improve the World in Sixty Lessons](#) dan [Learning to Collaborate for the Global Common Good](#).

Maklumat lanjut berkaitan hasil kerja beliau boleh didapati di sini <https://fernando-reimers.gse.harvard.edu/>